

CREATE

Universiti Teknologi Pilihan Utama



Mei - Ogos 2013

Pelajar UMP catat sejarah tawan puncak Gunung Everest



ISSN 1823-7487



9 771823 748004



Misi Kemanusiaan
"We Love We care"



130 staf
terima hadiah
kecemerlangan





4 Pelajar UMP catat sejarah tawan puncak Gunung Everest



6 MB Johor tawar kerjasama dengan UMP



7 130 staf terima hadiah kecemerlangan

- 03 - Sidang Editorial & Dari Meja Ketua Editor
- 08 - UMP, Alumni hormati media dan rai anak yatim
- 09 - 'Big Cleaning Day' pupuk kesedaran warga kampus mengenai kebersihan
- 10 - UMP mulai bincang rangka kerjasama dengan IUG Palestin
- 11 - UMP jalin kerjasama dengan 4 IPT Turki
- 12 - Warga kerja UMP rai sambutan Bulan Kemerdekaan
- 13 - Kembara Amal Bermotosikal rai anak yatim
- 14 - FSKKP anjur Persidangan ICSECS 2013 kali ke-3
- 15 - 385 pelajar baharu mendaftar peringkat Diploma
- 16 - Keperluan kejuruteraan teknologi penuhi kehendak industri
- 17 - 164 pelajar aliran Sains sertai program kecemerlangan akademik
- 18 - 4 pelajar Mekatronik ditawarkan penempatan ke Jerman
- 19 - Pengalaman baharu 30 pelajar antarabangsa sambut raya di Malaysia
- 20 - 179 calon SPM pelajari Format Ghani untuk mudah ingat pelajaran
- 21 - Pusat Keusahawanan bangunkan modul berstruktur kredit dan tidak berstruktur
- 22 - FKP bantu sekolah kluster berentap ke pertandingan antarabangsa F1
- 23 - Pelajar Baharu pelajari budaya keusahawanan dalam kampus

- 24 - Mahasiswa PERSIS bantu pelajar sekolah tingkat motivasi
- 25 - Penyelidikan UMP diiktiraf di Amerika Syarikat
- 26 - UMP rangkul 18 pingat dan anugerah khas dalam ITEX 2013
- 27 - Tukun tiruan bantu pelihara ekosistem hidupan
- 28 - Pelajar FKP menang pertandingan reka bentuk inovasi Malaysia
- 29 - UMP, UoS anjur simposium bincang pengurusan lembangan air sungai
- 30 - 4 pelajar lakar kejayaan dalam penyelidikan
- 31 - UMP latih usahawan mengenai pengestrakan dan teknik pemprosesan herba
- 32 - Penerbit UMP antara 10 penerbit universiti terbaik di PBAKL 2013
- 33 - UMP terima 70 ribu sumbangan zakat Etiqa bantu ringankan beban pelajar
- 34 - Klik-klik lensa
- 36 - UMP terima sumbangan 30 ribu zakat Bank Islam
- 37 - Wacana Pengurusan bincang tadbir urus terbaik
- 38 - Persatuan Wanita UMP hulu sumbangan bantu anak yatim dan miskin Nur Iman
- 39 - PBMSK sumbang kerusi untuk kemudahan pelajar sekolah
- 40 - Misi kemanusiaan "We Love We Care" laksana 13 projek pembangunan pelajar Kemboja

- 42 - Mahasiswa UMP kuasai bacaan Al-Quran bersanad
- 43 - Jamunaa menang 2 anugerah dalam pertandingan Chinese Bridge 2013
- 44 - Kor SISPA UMP muncul juara
- 45 - Pelajar masuk desa dekati komuniti Kampung Budu
- 46 - Malam Santai Budaya erat hubungan UMP-UMRAH
- 47 - Jelajah Ramadan RTM - UMP dekati masyarakat Kuala Pahang
- 48 - 97 Pelajar SMASH dan SMAI sertai Projek Kilauan Mutiara
- 49 - Mahasiswa berkayuh 60 km sambil melawat lombong bijih timah
- 50 - PEKA 2 anjur Kem Jambori Remaja Muslim
- 51 - In-Smartive semarakkan kolaborasi UMP-UTY
- 52 - UMP anjur kejohanan sukan antara jabatan
- 53 - Lantikan semula NC
- 54 - Pelantikan Baharu/Penyambungan Jawatan Giliran
- 55 - Jejak Alumni
- 56 - Pupuk minat pelajar sekolah dalam memanfaatkan pusat sumber dan perpustakaan
- 57 - Jom Jadi Ahli Publik Perpustakaan UMP
- 58 - Terbitan Terkini
- 60 - Artikel/Recana Pilihan
- 62 - Artikel/Recana Pilihan

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabita@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitiaishah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Hazlina Faizal
haz@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Nor Azazi Mamat
azazi@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my



PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-549 3184
Faks: 09-549 3199
e-Mel: safriza@ump.edu.my

“Orang lama”, nafas baharu

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 UMP.

Bagi pembuka tinta kali ini, terlebih dahulu izinkan kami warga UMP melafazkan ucapan jutaan tahniah buat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim atas pelantikan semula beliau sebagai Naib Canselor UMP bagi tempoh dua tahun lagi.

Sesungguhnya dengan pelantikan semula ini telah membuktikan peri pentingnya peranan dan usaha yang digembelengkan oleh mereka dalam menggerakkan agenda universiti ini. Sesungguhnya, kami warga UMP amat berbesar hati sekali lagi dapat sama-sama menyumbang keringat seperti mana yang telah direncanakan. Semoga UMP terus cemerlang dan gemilang di bawah tampok pentadbiran Naib Canselor. Rasanya tidak lengkap ruangan ini sekiranya tidak merakamkan penghargaan buat warga ilmuan UMP yang mana memainkan peranan penting menaikkan nama UMP di peringkat antarabangsa.

Terbaharu, penyelidik UMP telah diiktiraf di Amerika Syarikat apabila meraih kejayaan besar dengan membawa pulang empat pingat emas dan satu anugerah dalam *The Invention And New Product Exposition (INPEX 2013)* di Monroeville Convention Center, Pittsburgh, Amerika Syarikat.

Selain itu, tidak kurang hebat jugak para pemegang taruh yang turut menaikkan nama UMP di peringkat antarabangsa apabila menempai nama dengan meraih dua pingat emas di 2013 Macau International Innovation & Invention Expo, China. Kewibawaan mahasiswa UMP sememangnya tidak dapat dinafikan lagi yang mana ia membuktikan pembelajaran secara *“teaching factory”* telah menyumbang kepada pemahaman sebenar pembelajaran kepada mahasiswa universiti ini.

Ilmu teknikal yang diperolehi dapat dibuktikan dengan budaya inovatif dan kreativiti yang direalisasikan setiap kali memasuki pameran penyelidikan ini. Terbukti, UMP bukan sahaja melahirkan graduan yang diajar ilmu untuk persediaan menghadapi alam pekerjaan tetapi bijak dalam apa jua situasi sekalipun.

Terbaharu, *“Iron Lady UMP”* iaitu saudari Myrza Fasha, pelajar FKEE yang telah mencatat sejarah apabila berjaya menawan puncak Gunung Everest yang tertinggi di dunia. Sesungguhnya kegigihan dan keberanian yang ditunjukkan oleh pendaki wanita UMP ini menjadi kebanggaan kepada UMP yang bakal melahirkan seorang graduan yang mampu menghadapi apa jua cabaran kelak dalam dunia pekerjaan. Semoga ia menjadi pemangkin semangat buat warga UMP.

Di akhir tinta, semoga warga UMP baik pihak pengurusan mahupun mahasiswa bersama-sama berganding bahu untuk menaikkan nama UMP. Sesungguhnya, pelantikan semula Naib Canselor yang amat bermakna buat kami kerana peranan dan semangat yang ditunjukkan belum puas untuk kami tauladani bagi menggerakkan universiti ini. Semoga *“orang lama”* dapat meniupkan semangat kepada *“orang baharu”* agar warga UMP sama-sama bergerak di satu landasan yang betul bagi memaknakan maksud sebuah universiti teknikal yang sebenarnya.

Selamat membaca!

Abd Rahman Haji Safie

Pelajar UMP catat sejarah tawan puncak Gunung Everest



“Kita perlu mencabar diri untuk melihat sejauh mana kemampuan yang dimiliki.”



Seramai 30 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir menyertai sambutan meraikan ketibaan para pendaki puncak Gunung Everest dalam Ekspedisi 'Everest FELDA 2013' yang dianjurkan Kelab Eksplorasi 7 Benua Malaysia (KE7B) dengan kerjasama Majlis Belia Felda dan Felda Global Venture Holding (FGVH).

Dalam program ini pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Myrza Fasha Md Hamyrudin, 25, dari Felda Tersang 3 Raub, Pahang merupakan salah seorang pendaki wanita bersama ketua pasukannya, Siti Hanisah Sharuddin, 23 dari Felda Jelai 1, Gemas, Negeri Sembilan disertai lima pendaki lain.

Mereka terdiri daripada Mohd. Nasuha Shamsudin, 21, dari Felda Tersang 3, Raub, Pahang, Mohamad Asyraf Mohd. Halim, 25, dari Felda Lok Heng Timur, Kota Tinggi, Johor, Muhammad Hafizuddin Ibrahim, 22, dari Felda Chini Timur 1, Pekan, Pahang dengan ditemani jurulatih, Zainudin Lot, 37, dan Muhammad Illaham Ishak, 37.

Hadir menyambut ketibaan pendaki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim, Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad dan Presiden Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM), Anuar Manap.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berbangga dengan kejayaan Myrza yang mencatatkan sejarah dalam mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

"Kejayaan ini pastinya diiringi dengan semangat dan usaha bersungguh-sungguh demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan untuk mencapai kecemerlangan," katanya yang hadir sama menyambut ketibaan para pendaki di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 1 Jun 2013 yang lalu.

Tambah Profesor Dr. Yuserrie, pihaknya juga sedang merancang untuk mengadakan program perkongsian pengalaman pendaki bersama pelajar UMP dalam sedikit masa lagi.

Bagi Myrza yang meminati aktiviti lasak berkata, semuanya bermula apabila beliau berpeluang bertemu pendaki wanita muda pertama Malaysia, Marina Ahmad ketika menjalani sesi latihan menawan Puncak Kinabalu anjuran Pusat Sukan dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFFAD) pada tahun lalu.

"Hasrat untuk menawan puncak tertinggi dunia, Gunung Everest dipendam sehinggalah beliau berjaya dalam temu duga dan melepasi semua saringan serta terpilih sebagai salah seorang pendaki dalam menggalas harapan warga FELDA serta mengharumkan nama Malaysia bagi merealisasikan Ekspedisi Projek Everest FELDA 2013 ini," katanya yang gembira disambut rakan-rakan dan keluarga.

Beliau yang aktif dalam sukan dan aktiviti anjuran T-Rex UMP turut berterima kasih atas sokongan semua pihak dan berkat restu ibu bapanya, Siti Zaunah Mat Tenan, 47 dan Hamyrudin Mohd. Hashim, 55 yang banyak mencetuskan inspirasi kepadanya

untuk terus melangkah dalam mencapai misi sehingga berjaya mencatat sejarah untuk dirinya, keluarga dan negara.

"Persediaan dalam membina ketahanan mental dan fizikal amat penting di samping berdoa kerana pelbagai kemungkinan boleh berlaku akibat cuaca serta keadaan di pergunungan yang berais membahayakan pendaki," katanya yang berkongsi pengalaman yang sungguh mencabar tatkala merentasi cerun jurang ais yang boleh menyebabkan pendaki jatuh sekiranya ais mencair.

Beliau menasihatkan mereka yang berminat dengan aktiviti lasak dan pendakian agar membanyakkan latihan dan stamina fizikal. Kini, dengan kejayaan yang dicapai, Myrza yang berada di semester akhir ini tidak lokek untuk berkongsi pengalaman bersama rakan-rakan lain selain bercadang untuk melibatkan diri dalam program kesukarelawanan dan motivasi dalam kalangan generasi muda.

Tidak mengenali erti penat, dia kini menyimpan hasrat untuk menawan enam lagi gunung tertinggi bagi melengkapkan eksplorasi menawan tujuh benua. Malah, beliau turut menjadikan pendaki tujuh benua, Muhammad Muqarrabin Mokhtaruddin sebagai ikonnya untuk merealisasikan impian ini.

"Kita perlu mencabar diri untuk melihat sejauh mana kemampuan yang dimiliki," kata Myrza yang mempunyai jiwa dan semangat yang kental untuk terus berjaya.





MB Johor tawar kerjasama dengan UMP

Pengurusan Tertinggi UMP yang diketuai oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah melakukan kunjungan hormat ke Pejabat Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Khalid Nordin yang juga merupakan mantan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada 29 Ogos 2013 yang lalu.

Pertemuan bersejarah itu berlangsung di pejabat beliau di Bangunan Dato Jaafar, Kota Iskandar, Nusajaya.

Dalam pertemuan itu, beberapa perkara dibincangkan termasuk perkembangan terkini UMP dan masa depan pengajian tinggi di Malaysia.

Dato' Seri Mohd Khalid turut menawarkan beberapa peluang kerjasama antara kerajaan negeri Johor dan UMP seperti penglibatan UMP dalam projek petrochemical di Pengerang, program sukarelawan pelajar serta penglibatan staf dan pelajar UMP dalam industri yang berkaitan dengan bidang kepakaran di UMP.

Turut hadir dalam pertemuan, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir Dr. Badhrulhisham Abd Aziz, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti) Profesor Dr. Shamsuddin Baharin dan Ketua Pejabat Naib Canselor, Abd. Rahman Safie.





130 staf terima hadiah kecemerlangan

Seramai 130 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) termasuk 125 staf menerima Anugerah Khidmat Cemerlang (APC) dalam Majlis Hari Kualiti & Inovasi 2013 yang berlangsung di Bukit Gambang Resort Kuantan pada 6 Jun 2013 yang lalu.

Hari Kualiti dan Inovasi bertemakan "Kualiti dan Inovasi Asas Kecemerlangan" ini merupakan medan pengiktirafan terhadap kecemerlangan warga UMP dalam pelbagai lapangan sebagai dorongan untuk staf berkhidmat dengan cemerlang dan menginspirasi rakan sekerja lain untuk terus mencurahkan bakti menunaikan tanggungjawab sebagai penjawat awam dan khalifah.

Pada tahun ini menyaksikan enam anugerah dan hadiah diperkenalkan iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Tokoh Masyarakat, Anugerah Sukan, Hadiah ICT dan Hadiah Penerbitan.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, disiplin merupakan elemen terpenting dalam memacu dan seterusnya melestarikan agenda kualiti, inovasi sebagai katalis kecemerlangan universiti ini.

"Disiplin yang disemat kukuh dalam diri para penjawat di UMP akan mendorong mereka untuk bertindak secara positif ke arah aktiviti-aktiviti yang menambah nilai kepada

prestasi organisasi.

"Demikianlah juga dengan agama kita yang turut memberikan perhatian terhadap kewajipan untuk menunaikan amanah, berlaku jujur dan menyempurnakan tanggungjawab sebaik mungkin selain aspek-aspek penting yang mendasari kualiti dan inovasi merupakan rangkaian nilai tambah kepada kaedah operasi dan sistem penyampaian perkhidmatan di UMP," katanya di hadapan kira-kira 300 tetamu yang hadir.

Kata beliau, UMP sebagai universiti awam (IPTA) tertakluk kepada kerangka penilaian seperti SETARA dan lain-lain.

"Anjakan aras pencapaian UMP dalam pelbagai penilaian ini berkait dengan keupayaan warga kerja menggunakan pendekatan kreatif dan inovatif dalam pengurusan dan pentadbiran sehari-hari.

"Justeru, kecemerlangan universiti ini memerlukan sumbangan bermakna daripada setiap Pusat Tanggungjawab yang dipacu oleh warga kerja yang ikhlas dan komited," ujar beliau.

Dalam majlis ini menyaksikan Anugerah Sukan (Atlet Lelaki Terbaik) dimenangi staf Fakulti Sains & Teknologi (FIST), Jafree Ibrahim yang banyak menempa kejayaan dalam sukan hoki di peringkat universiti, daerah dan negeri.

Anugerah Sukan (Pasukan Terbaik) dimenangi pasukan Bola Sepak yang diwakili kaptenya, Shahrul Anuar Ismail. Pasukan ini

pernah menjadi juara Piala FA Liga Bola Sepak Daerah Pekan dan empat pemainnya turut terpilih mewakili daerah Kuantan dan negeri Pahang.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Abdul Syukur Abd. Razak menang Hadiah Khas atas sumbangannya terhadap masyarakat dalam menyemarakkan bidang penyelidikan. Beliau pernah dilantik sebagai panel hakim di peringkat antarabangsa (ITEX), panel penilaian Innofest Politeknik, penerima Anugerah Kemahiran Inovasi dan Kreativiti Negeri Pahang (2012) dan penerima Anugerah Agensi Inovasi Malaysia, Jabatan Perdana Menteri pada tahun yang sama.

Hadiah Penerbitan (Karya Asli Terbaik Penerbit UMP) dimenangi Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Dr. Abd. Jalil Borham yang berjaya menghasilkan buku bertajuk 'Islam di Pahang' yang merekodkan perkembangan Islam di negeri Pahang.

Manakala, Hadiah ICT (Portal PTJ terbaik) dimenangi PBMSK dengan pencapaian 5 bintang.

Semua pemenang menerima hadiah wang tunai RM 1,000, sijil penghargaan dan trofi manakala bagi kategori pasukan terbaik menerima RM 2,000 berserta sijil dan trofi.

Dalam majlis yang sama, UMP turut merasmikan Piagam Pelanggan UMP dan melancarkan "Big Cleaning Day" dalam pengamalan persekitaran berkualiti dan amalan budaya 5S di semua peringkat dalam universiti.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan pegawai-pegawai kanan universiti.



UMP, Alumni hargai media dan rai anak yatim



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir beramah mesra dan bertemu dengan wartawan, jurufoto dan pengamal media di negeri Pahang dalam penganjuran Majlis Berbuka Puasa UMP Bersama Media yang diadakan di Hotel MS Garden pada 23 Julai 2013 yang lalu.

Majlis yang mendapat kerjasama daripada Persatuan Alumni UMP dianjurkan bagi menghargai sokongan lebih 50 orang dalam kalangan pengamal media di negeri Pahang selain meraikan seramai 35 anak-anak yatim dari Rumah Permata Insyirah dan Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang menjelang bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Majlis bermula dengan program Tazkirah Ramadan yang disampaikan Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Ustaz Ahmad Kamil Jamaluddin.

Semasa menyampaikan ucapan, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, kehadiran pihak media cetak dan media elektronik ini adalah manifestasi ingatan dan penghargaan yang tidak terhingga di atas sokongan berterusan terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan universiti.

"Sejak penubuhan UMP pada tahun 2002, pihak media sentiasa memberikan

kerjasama yang baik dalam usaha membuat liputan melalui media cetak dan elektronik. Dalam usia 11 tahun, UMP masih memerlukan sokongan daripada pihak media untuk terus menyebarkan program kecemerlangan dan pencapaian universiti kepada masyarakat umum.

"Malah, kerjasama yang diberikan pihak media amatlah menggalakkan terutamanya dalam memenuhi undangan melibatkan aktiviti-aktiviti utama UMP termasuk Majlis Konvokesyen UMP, Majlis Hari Kualiti dan Penyampaian Hadiah Kecemerlangan, Majlis Cendekia Bitara, sidang media dan sebagainya," katanya.

Tambah Dato' Dr. Daing Nasir, jalinan antara universiti dan media ini akan terus dipertingkatkan dalam menyebarkan berita, menguar-uarkan keupayaan mahasiswa dan penyelidik UMP mencipta kejayaan dan perkongsian kepakaran para penyelidik UMP yang boleh dimanfaatkan dalam pembangunan negara.

Menurut beliau, dalam usaha memastikan maklumat kepada pihak media disalurkan dengan lebih terkini, UMP mempunyai laman web rasmi dan media sosial seperti *facebook* dan *twitter* untuk menyampaikan maklumat kepakaran, penawaran program dan segala

perkembangan universiti dengan lebih pantas.

Dato' Dr. Daing turut menyaksikan sumbangan hasil kutipan derma pihak Alumni UMP sebanyak RM 4660 daripada Persatuan Alumni UMP.

Sumbangan disampaikan Timbalan Presidennya, Mohd. Najib Razali kepada Pengerusi Rumah Permata Al- Inshirah, Haji Jamaluddin Salleh dan Pengetua Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang Pengerusi Rumah Permata Al-Inshirah, Razif Roslan.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim, Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Ya'akob dan Pengarah Penyiaran Negeri Pahang, Zubad Ibrahim.

Dalam majlis ini, Dato' Dr. Daing Nasir yang hadir ditemani isteri, Datin Fazia Ali turut berpeluang beramah mesra dengan pihak media. Antaranya termasuklah wartawan dan jurufoto dari Berita Harian, Bernama, New Straits Times Press, Metro, Radio Televisyen Malaysia (RTM), TV3, Astro, Radio Pahang, Utusan Malaysia, Kosmo, Sinar Harian, The Star, China Press, Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Daily.



'Big Cleaning Day' pupuk kesedaran warga kampus mengenai kebersihan

Dalam meningkatkan kesedaran mengenai kebersihan di persekitaran kampus, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Program Hari Pembersihan yang dirasmikan oleh Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim di Bukit Gambang Resort bersempena Hari Kualiti dan Inovasi UMP 2013 pada 6 Jun 2013 yang lalu.

Menurut Dato' Dr. Daing, penganjuran buat julung kali ini merupakan langkah terbaik dalam memberi pendedahan dan menyemai minat di kalangan warga kampus terhadap kebersihan dan keceriaan di ruang tempat kerja mahupun di sekitar kampus.

Secara tidak langsung, dengan program ini membantu UMP mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal.

Manakala Pengerusi Jawatankuasa Induk Amalan 5S UMP, Kartina Johan yang merupakan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) berkata, Hari Pembersihan atau *Big Cleaning Day* (BCD) merupakan satu program yang

lazim dilaksanakan oleh organisasi yang mengamalkan 5S.

"Fokus utama program ini adalah berkonsepkan "*seiri*" iaitu membuat pengasingan dan perupusan barang yang tidak perlu di tempat kerja.

"Antara pengisian BCD adalah program kitar semula atau lebih sinonim disebut 3R iaitu *Recycle*, *Reduce* dan *Reuse* bagi memastikan pembudayaan persekitaran hijau dapat diterapkan dalam kalangan warga UMP," katanya.

Menurut beliau, penglibatan semua staf amat dituntut dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja.

Tambah beliau, sebagai permulaan langkah bemula dengan mengenal pasti bahan yang tidak digunakan, rosak ataupun tidak diperlukan.

Tag kuning telah diperkenalkan untuk diletakkan pada barang-barang yang masih boleh digunakan seperti perabot dan lain-lain.

"Manakala tag merah pula akan ditandakan pada barang-barang yang telah rosak serta yang tidak boleh dibaiki lagi.

"Kemudiannya, setiap jabatan akan mendaftarkan barang yang bertag kuning dan bertag merah. Barangan yang bertag kuning akan ditawarkan kepada lain-lain jabatan yang memerlukan barang tersebut, katanya".

Kata Kartina, program ini boleh menjimatkan kos perbelanjaan seterusnya menyokong kelestarian kewangan dan menjayakan bidang keberhasilan universiti dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Selain itu, pihaknya turut menganjurkan beberapa pertandingan seperti pengumpulan barang kitar semula bagi kategori terbanyak dan pertandingan keceriaan ruangan sudut 3R di setiap jabatan.

Beliau mengharapkan dengan berlangsungnya program ini nanti dapat mengajak semua warga UMP bersamasama menyokong amalan 5S di universiti serta menjadikannya sebagai amalan dalam mencintai kebersihan.



UMP mulai bincang rangka kerjasama dengan IUG Palestin

Berita dan Foto Oleh: DR. WAN MOHD FAIZAL WAN ISHAK

Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan daripada Dr. Wesam Al Madhoun yang merupakan Penolong Professor di Universiti Islam Gaza (IUG) dalam menjayakan program jelajah ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia pada 14 Jun 2013 yang lalu.

Kunjungan Dr Wesam disambut Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah CERRM, Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak.

Dalam program ini, Dr Wesam yang petah berbahasa Melayu berpeluang menyampaikan taklimat tentang situasi semasa yang berlaku di tanah Palestin selain mempromosikan seminar antarabangsa yang akan dianjurkan oleh pihak IUG sekitar bulan November nanti.

Dr. Wesam turut menceritakan mengenai kesukaran pihak IUG berdepan kekangan dan kesusahan yang mereka hadapi termasuklah ramai dalam kalangan staf mereka tidak

dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi akibat kekangan dana kewangan.

Menurut Dr. Wan Mohd Faizal, beberapa perkara serius dibincangkan dan antaranya melibatkan rangka hubungan kerjasama dua hala di antara UMP dan IUG.

"Pihak CERRM juga sedang mengenal pasti bidang-bidang penyelidikan yang boleh dijalankan bersama. Turut dibincangkan penganjuran bersama seminar yang dijangka akan diadakan pada tahun 2014 nanti.

"Program sebegini pernah dilaksanakan pihak CERRM dengan Universiti Tuzla, Bosnia dalam penganjuran *International Conference on Green Technology & Ecosystems for Global Sustainable Development 2012 (ICGTec2012)*," katanya yang hadir mendengar taklimat di Auditorium Perpustakaan UMP Gambang .

Sementara itu, Dato' Dr. Daing yang menjelaskan sokongan UMP dalam usaha membantu rakyat Palestin termasuk kesediaan menawarkan biasiswa kepada staf IUG yang layak dan berminat melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan kedoktoran di UMP.



UMP jalin kerjasama dengan 4 IPT Turki

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan empat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dari Turki melibatkan Suleyman Sah University, Sakarya University, Karabuk University dan Sercuk University bagi menjalinkan kerjasama dalam program pengajian akademik dan penyelidikan di UMP.

Majlis menyaksikan acara menandatangani MoU disempurnakan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz.

Manakala mewakili IPT Turki ialah Rektor Suleyman Sah University, Profesor Dr. Huseyin Ekiz, Rektor Sakarya University, Profesor Dr. Muzaffer Elmas, Rektor Karabuk University, Profesor Dr. Burhanettin Inem dan Rektor Sercuk University, Profesor Dr. Hakki Gokbel. Hadir menyaksikan majlis bersejarah ini Ahli Lembaga Eksekutif Pengajian Tinggi Turki, Profesor Dr. Durmus Gunay.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, kerjasama ini bermula hasil daripada termeterainya kerjasama antara UMP dengan pihak Malaysian Turkish Dialogue Society (MTDS) dalam meneroka peluang kerjasama dengan rakan daripada Institusi Pengajian Tinggi di Turki dua bulan lalu.

Dato' Dr. Daing percaya hubungan yang terjalin ini akan mengukuhkan ikatan di antara Malaysia dan kerajaan Turki. Malah, sektor pengajian tinggi melibatkan kedua-dua negara ini mempunyai potensi yang sangat luas untuk diterokai.

"Kerjasama ini melibatkan pembangunan penyelidikan, kerjasama akademik, pengajian pascasiswazah, program jangka pendek akademik untuk prasiswazah dan program dwijjazah," katanya semasa berucap di Hotel The Royale Bintang Kuala Lumpur pada 14 Mei 2013 yang lalu.

Katanya, UMP memberikan sepenuh penumpuan terhadap pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang mana salah satu bidang keberhasilannya adalah penjenamaan untuk penjajaran strategik bagi memastikan pendekatan terbaik bagi mewujudkan satu jenama global untuk merealisasikan hasrat UMP menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia.

Tambah Dato' Dr. Daing, dua bidang keberhasilan utama universiti (UKRA) ini membabitkan penambahbaikan dalam kualiti akademik dan penjenamaan untuk penjajaran strategik bagi memaknakan hubungan kerjasama strategik ini.

Beliau berharap dengan adanya hubungan kerjasama ini juga akan memanfaatkan program pertukaran pelajar

dan staf UMP, latihan industri, pemindahan kredit, sabatikal dan penasihat akademik sepanjang tempoh lima tahun ini.

Malahan, beliau juga mengalu-alukan staf dan pelajar dari Suleyman Sah University, Sakarya University, Karabuk University dan Sercuk University ini untuk terlibat sama dalam memanfaatkan hubungan antarabangsa ini.

Bagi Profesor Dr. Durmus pula, pihaknya percaya kedua-dua pihak akan dapat lebih banyak faedah menerusi jalinan kerjasama ini terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

Majlis turut dihadiri Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim dan Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Dr. Jasni Mohamed.





Warga kerja UMP rai sambutan Bulan Kemerdekaan

Seramai 200 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) berhimpun meraikan Sambutan Bulan Kemerdekaan kali ke-56 dan kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat universiti yang dirasmikan oleh Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim di Dewan Tun Fatimah Kompleks Pentadbiran Utama UMP Kampus Gambang pada 23 Ogos 2013 yang lalu.

Menurut Haji Mustafa Ibrahim, UMP menyambut perayaan bulan kemerdekaan pada setiap tahun bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga universiti di samping memupuk semangat nasionalisme dan cintakan negara dalam kalangan warga universiti.

“Menerusi program ini kita dapat menghayati detik perjuangan sebagai tanda menghargai keamanan negara tercinta serta melahirkan barisan kepimpinan warga kampus yang proaktif dan produktif sebagai kesinambungan kemajuan masa depan negara,” katanya.

Lebih memeriahkan suasana apabila

majlis diserikan dengan ceramah umum yang disampaikan tokoh sukan terkenal yang pernah mengharumkan nama negara dalam sukan angkat berat, iaitu Datuk Abdul Malek Mohamed Nor.

Dalam majlis ini, beliau menyampaikan ceramah bertajuk “Semangat patriotisme dalam bidang kesukanan satu teladan menyelami erti kemerdekaan.

“Kita seharusnya membentuk diri untuk menanam semangat cinta akan negara dalam diri selain mengetahui liku-liku perjuangan tokoh-tokoh yang berjasa dalam memerdekakan negara serta menyeru untuk terus menghargai perjuangan mereka,” katanya.

Tambah beliau, sebagai rakyat Malaysia kita perlu berusaha agar penjajahan tidak berulang lagi. Kita juga seharusnya sedar dan bersyukur di negara ini yang aman dan makmur.

Beliau mengingatkan bahawa sebagai bangsa yang berjiwa Malaysia amat penting semangat yang tinggi dan tidak mudah

mengalah atau berputus asa dalam hasrat mencapai sesuatu kejayaan itu.

Semangat itulah juga membawanya berjaya memperkenalkan Malaysia di mata dunia. Tambahnya, kita bangsa berjiwa Malaysia bukan sahaja pandai menyanyikan lagu Negaraku malah menghayati setiap lirik tersebut.

Majlis diakhiri dengan majlis penyerahan bendera kepada 15 wakil dari jabatan dan fakulti bagi kempen kibar jalur gemilang yang disampaikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusof.

Bersempena bulan kemerdekaan ini, UMP telah merancang pelbagai aktiviti antaranya pertandingan kain rentang kreatif bertemakan kemerdekaan, program Bicara Kemerdekaan yang menampilkan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Profesor Dr. Abdul Latif Hj. Samian dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta sambutan bersama masyarakat di Pekan Pahang.



Kembara Amal Bermotosikal rai anak yatim

Deruman motosikal berkuasa besar melibatkan seramai 200 pemilik motosikal yang tiba dari Puchong dan Singapura berkampung di perkarangan Dataran Pusat Pelajar di Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Pekan bersempena Program Bersama Kasih: Kembara Amal Ramadan 2013 pada 25 Jun 2013 yang lalu.

Program anjuran Kelab Puchong Bikers dan Kelab X'clusive Kembara Amal dengan kerjasama UMP ini bertujuan meraikan seramai 138 anak yatim dalam kalangan penghuni Rumah Permata Camar, Permata Insyirah, Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang dan Rumah Kanak-kanak Sultanah Hajah Kalsom.

Lebih meriah, anak-anak yatim ini turut dibawa membonceng motosikal berkuasa besar bagi memberi peluang mereka merasai keseronokannya.

Majlis penutup dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, turut hadir Presiden Kelab X'clusive Kembara Amal, Mohd. Satria Rasudi dan Presiden Puchong Bikers, Said Tasiran.

Menurut Profesor Dr. Yuserrie, program ini membatikkan pelajar UMP dari Kelab

Penyayang seramai 20 orang pelajar yang membantu dalam memberi bimbingan dan bertindak sebagai fasilitator melibatkan program motivasi dan sukaneka.

"Program ini juga melibatkan pelajar-pelajar dan warga kerja serta alumni UMP yang secara sukarela menyumbang tenaga dalam menjayakan program. Maka, kesungguhan dan keprihatinan mereka merupakan satu contoh bahawa masyarakat sekarang sangat mengambil cakna dalam hal-hal kemasyarakatan," katanya.

Tambah beliau, keprihatinan dan sumbangan kepada masyarakat merupakan suatu bentuk *goodwill* dan tindakan timbal balik (*reciprocal*) universiti terhadap masyarakat yang menyumbang kepada kewujudan dan pembangunannya.

Katanya, sumbangan ini merupakan suatu penghargaan kepada masyarakat yang memberi segala peluang melanjutkan pelajaran. Selain itu, penglibatan bersama masyarakat dalam sesuatu program juga memberi kesedaran akan keadaan sebenar masyarakatnya bukan sekadar gambaran atau naratif (cerita) daripada orang lain.

Sementara itu, Satria berkata, aktiviti hujung minggu ini bukan sahaja bertujuan

mengisi masa lapang ahli-ahli kelab motosikal tersebut tetapi kali ini aktiviti yang dianjurkan lebih bermakna dan cukup mengujakan. Masakan tidak, peserta dari Puchong dan Singapura mereka dapat bertemu, berkumpul dan berkonvoi beramai-ramai untuk sampai di UMP.

Selain menyerahkan sumbangan serta beramah mesra dengan anak-anak yatim, mereka berpeluang bermesra dan menggembirakan anak-anak yatim dalam kunjungan seperti ini.

Peserta program dari Rumah Permata Camar, Muhd. Nasrullah Abdul Ghafar, 15 berkata, beliau seronok kerana berpeluang menunggang motosikal berkuasa besar buat pertama kalinya. Manakala, bagi Zainuddin Sabudin, 43 dari Singapura melahirkan rasa ceria kerana dapat menyertai program konvoi bermotosikal bersama keluarganya bersempena cuti sekolah ini.

Majlis turut disajikan dengan persembahan daripada penghuni rumah anak yatim dan penyampaian hadiah dalam acara sukaneka yang dipertandingkan seperti bawa bola ping pong dalam sudu, isi air dalam botol dan cari gula dalam tepung.

FSKKP anjur Persidangan ICSECS 2013 kali ke-3



Oleh: NORANIZA SAMAT

Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Perisian dan Sistem Komputer (ICSECS) untuk kali ketiga yang berlangsung pada 22 Ogos 2013 yang lalu di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang.

Persidangan bertemakan "*Engineering Software Towards Sustainable Quality Systems*" yang memfokuskan bidang sistem komputer, rangkaian dan kejuruteraan perisian ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff.

Semasa ucapan beliau di majlis perasmian, perkembangan teknologi yang bermula pada era 80-an telah memacu pembangunan Sistem Komputer, Kejuruteraan Perisian dan Teknologi Maklumat.

"Malah, dunia kelihatan semakin kecil dengan kemunculan teknologi internet yang memudahkan urusan kehidupan seharian dan pekerjaan dengan adanya pelbagai perkhidmatan atas talian.

"Aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang ini tidak seharusnya hanya menumpukan penyelidikan dan pembangunan sistem dan teknik, malah ianya juga perlu menekankan tentang aspek kelestarian sistem dan teknik tersebut," katanya semasa merasmikan program.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz.

Dalam majlis itu juga, dua orang pembentang kertas kerja menyampaikan ucap-tama iaitu, Professor Dr. Jasni Mohamad Zain dengan tajuk 'Sustainable Quality

Systems in Organizations' dan Professor Dr. Michael Wagner dengan tajuk 'Biometric Person Authentication - Strengthening Our Defences in the Face of a Computer Security Crisis'.

Turut diumumkan dalam persidangan, tiga kertas kerja terbaik dimenangi oleh Ismail Assayad, Abdelouahed Zakari, Mohamed Sadik dan Tarik Nahhal dari ENSEM Université Hassan II Casablanca, Morocco dengan tajuk "*Modeling and Analysis of Heterogenous Architectures and Application to System C*".

Manakala peserta Tee Connie, Micheal Kah Ong Goh dan Andrew Beng Jin Teoh dari Multimedia University yang membentangkan tajuk "*Subspace Learning On Grassmannian Manifold For Human Gait Analysis*" juga dipilih memenangi kategori ini.

Selain itu kertas kerja oleh Mohd Hanis Rani dan Profesor Dr. Abdullah Embong dari Universiti Malaysia Pahang yang bertajuk "*Predicting Student Performance in Object Oriented Programming Using Decision Tree: A Case at Kolej Poly-Tech Mara, Kuantan*" turut diumumkan sebagai pemenang.

Sementara itu, pembentangan daripada Zainura Idrus, Siti Z.Z. Abidin, N. Omar dan Ajab Akbarally dari Universiti Teknologi Mara dengan tajuk "*Modeling Role Behavior for Managing Users Through a Networked Collaborative Monopoly Game Abstraction*" menang kategori pembentang terbaik dalam persidangan ICSECS pada kali ini.

Di akhir persidangan, para peserta juga berkesempatan melawat beberapa tempat menarik di sekitar Pahang seperti Muzium Sungai Lembing, Pusat Penerangan dan Konservasi Penyu dan Teluk Chempedak.



385 pelajar baharu mendaftar peringkat Diploma

Seramai 385 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mula mendaftar ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi mengikuti pengajian peringkat diploma di hari pendaftaran pelajar baharu bertempat di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada 29 Jun 2013 yang lalu.

UMP menawarkan lima program diploma yang terdiri dari Diploma Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Diploma Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, Diploma Sains Komputer & Kejuruteraan Perisian, Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang hadir menyambut ketibaan pelajar baharu melahirkan rasa bangganya kepada pelajar yang telah membuat pilihan yang tepat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di sini.

“Ramai pelajar yang mendaftar pada hari pendaftaran ini merupakan pelajar yang memilih UMP sebagai pilihan pertama. Dengan pencapaian ini diharapkan dapat meningkatkan jenama UMP di mata masyarakat umum,” katanya yang bertemu dengan pelajar dan ibu

bapa yang hadir dari seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Tambahnya lagi, diharapkan pelajar dapat memanfaatkan peluang yang ada ini untuk menimba ilmu pengetahuan dengan bersungguh-sungguh.

Menurut pelajar, Izzah Inani Razak, 18, berkata beliau bersyukur kerana terpilih untuk menyambung pengajian di UMP dalam Diploma Kejuruteraan Awam. Menurut anak sulung daripada lima adik-beradik ini, peluang akan digunakan untuk beliau belajar bersungguh-sungguh sehingga mencapai kejayaan.

Katanya, beliau akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengubah masa depan keluarganya pada masa akan datang.

Manakala, Hanif Mohd Sabki dari Pulau Tawar Jerantut pula berkata, perasaannya bercampur baur ketika ini. Bukan sahaja berbangga menerima tawaran Diploma Mekanikal di UMP, namun agak sedih apabila mengenangkan arwah ayah tidak sempat melihat beliau masuk universiti kerana telah menyahut seruan Ilahi pada bulan Februari yang lalu.

Namun katanya, ia akan dijadikan sebagai pendorong untuk belajar lebih bersungguh sehingga tamat pengajian.



Keperluan kejuruteraan teknologi penuhi kehendak industri

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Fakulti Teknologi telah menganjurkan Majlis Syarahan Umum Teknologi Kejuruteraan 2013 di Hotel Royale Bintang Kuala Lumpur pada 15 Mei 2013 yang lalu.

Program ini merupakan medan perkongsian kepakaran dan pencerahan kepada masyarakat dalam membincangkan keperluan bidang kejuruteraan teknologi dalam memenuhi keperluan industri masa depan.

Syarahan kali ini menampilkan Profesor Dr. Promod Vohra yang merupakan Dekan Kolej Kejuruteraan dan Kejuruteraan Teknologi dari Northern Illinois University (NIU) di Amerika Syarikat dengan menyampaikan syarahan bertajuk *“Engineering Technology in a Global World: Opportunities and Challenges”*.

Beliau yang mempunyai pengalaman cukup luas dalam kejuruteraan industri dan kejuruteraan elektrik terutamanya dalam bidang sistem digital, reka bentuk kemahiran, latihan industri, teknologi baharu dan aplikasi teknologi mengikut keperluan industri.

Beliau pernah berkhidmat dalam industri selama lima tahun sebelum berkecimpung dalam bidang akademik.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, siri syarahan kali ini diadakan bersempena lawatan rasmi pihak NIU ke UMP bagi melaksanakan

beberapa siri lawatan dan perbincangan berkaitan tiga program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Engineering Technology) melibatkan Kejuruteraan Teknologi (Elektrikal), Kejuruteraan Teknologi (Tenaga dan Persekitaran) dan Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan).

“Program ini adalah rentetan daripada kerjasama yang terjalin antara UMP dan NIU. Antara perbincangan melibatkan pemurnian struktur kurikulum program Teknologi Kejuruteraan dan perbincangan pemindahan kurikulum dari NIU ke UMP,” katanya selepas syarahan umum.

Tambah beliau, hasil perbincangan dengan industri menunjukkan keperluan yang semakin meningkat bagi jurutera untuk memahami realiti dan pelbagai elemen bagi memenuhi keperluan industri negara.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato’ Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Dr. Abdullah Ibrahim, Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Ya’akob.

Hampir 200 peserta dalam kalangan industri dan agensi berkaitan elektrik, pembuatan dan tenaga hadir dalam majlis anjuran Fakulti Teknologi (FTeK) UMP ini.





164 pelajar aliran Sains sertai program kecemerlangan akademik

Seramai 164 pelajar aliran sains daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lepar, SMK Indera Shahbandar, SMK Seri Pekan, SMK Peramu Jaya dan SMK Nenasi menyertai Program Empower Matematik Tambahan & Fizik Part II yang dikendalikan guru pakar, Sunny Yee dalam meningkatkan pemahaman subjek Matematik Tambahan dan Fizik sebagai persiapan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada hujung tahun ini.

Program adalah sebahagian daripada inisiatif Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dalam menjayakan program Empower Mahkota ECER Kuala Pahang bagi meningkatkan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah.

Menurut Pengurus ECERDC Pejabat Wilayah Pahang, Mohd. Azizi Ibrahim, program ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada teknik menjawab soalan dengan lebih efektif serta memberi keyakinan kepada para pelajar untuk menghadapi peperiksaan yang bakal dihadapi nanti.

“Program Empower ini merupakan serampang dua mata di bawah program pembangunan modal insan yang dilancarkan ECERDC sejak tiga tahun lalu

untuk merapatkan jurang ekonomi antara masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar.

“Tumpuan diberikan terhadap Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan untuk orang dewasa serta Program Latihan Akademik untuk para pelajar dengan sasaran anak-anak di kalangan peserta Agropolitan Pekan dan masyarakat Kuala Pahang,” katanya berucap dalam majlis perasmian Program Kecemerlangan Akademik: Empower Matematik Tambahan dan Fizik di Dewan Kuliah UMP Gambang pada 25 Julai 2013 yang lalu.

Pengurus Projek Pembangunan Sosial ECER-UMP, Zainal Bahari berkata, program ini adalah sebahagian daripada program yang dilaksanakan UMP yang dikendalikan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari).

Katanya, selain mengikuti program ini, pelajar juga diberi peluang mempelajari teknik menjawab soalan bersama guru pakar dalam subjek teras serta melaksanakan program motivasi di kalangan pelajar dan keluarga.

Peserta program, Mariani Abdullah, 17 dari SMK Seri Pekan berkata, beliau kini lebih

yakin untuk menghadapi peperiksaan dan akan terus berusaha mencapai keputusan yang terbaik dalam SPM nanti.

Manakala bagi pelajar SMK Lepar, Nurul Najihah Alaluddin, 17 berkata, beliau bangga dapat menyertai program ini yang bukan sahaja memberi pencerahan tentang meminati Matematik dan Fizik, malah berpeluang melawat makmal UMP yang canggih.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari), Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Penasihat Matahari, Datin Fazia Ali.





4 pelajar Mekatronik ditawarkan penempatan ke Jerman

Seramai empat orang daripada 16 pelajar dwi-ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan perintis program kejuruteraan Jerman di UMP ditawarkan menjalani latihan industri di Jerman selama enam bulan bermula pada September ini.

Tawaran penempatan di luar negara ini memberi peluang kepada mereka menjalani latihan industri di samping menambahkan ilmu dalam bidang kejuruteraan di Jerman.

Mereka adalah Wan Nurul Farah Liyana Razali, 23 dan Chew Yen Ying, 23 ditempatkan di Syarikat Robert Bosch GMBH, manakala bagi Mohamad Redzuan Samad, 23 di syarikat Watlow GmbH dan Fathi Zaidan Jamaludin, 23, di Infineon, Regensburg Bavaria.

Menurut Pengarah Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman (GACC) UMP, Brian Trenaman, UMP merupakan IPTA pertama di negara ini yang menawarkan program kejuruteraan berkembar peringkat ijazah dalam bidang

automotif dan mekatronik dengan Hoshule KarsRUhe Technic Und Wirtschaft (HsKA) dari Jerman sejak tahun 2010.

Pihak GACC turut berperanan dalam membantu pelajar dalam mendapatkan penempatan menjalani latihan industri sama ada di luar negara ataupun syarikat Jerman di Malaysia.

“Peluang bekerja di Jerman yang merupakan negara teknologi tinggi ini mampu dimanfaatkan pelajar untuk menimba pengalaman dalam memenuhi keperluan industri dalam melengkapkan pengajian mereka dalam bidang kejuruteraan,” katanya yang berbangga dengan kejayaan pelajar yang berjaya mendapat tempat menjalani latihan industri di luar negara.

Katanya, sehingga kini empat pelajar telah menerima surat tawaran untuk menjalani latihan industri di Jerman manakala sebahagiannya akan menjalani latihan industri di syarikat-syarikat Jerman yang berada di Malaysia.

Pihaknya turut menjemput Presiden Lembaga Penasihat HsKA, Profesor E. H. Wernwe Vogt, bagi mengendalikan beberapa program yang diatur sebagai persediaan terutamanya melibatkan aspek komunikasi dan memahami budaya kerja dengan syarikat di Jerman.

Bagi Wan Nurul Farah Liyana Razali berkata, beliau kini yakin dan berasa bertuah kerana terpilih untuk menjalani latihan industri di Jerman yang merupakan impian beliau sejak mula mendaftar belajar di UMP.

Rakannya, Fathi Zaidan Jamaludin, berasa teruja apabila beliau turut menerima tawaran daripada tiga buah syarikat iaitu dua syarikat di Jerman dan sebuah syarikat di Malaysia yang menawarkan penempatan menjalani latihan industri.

Walaupun berat hati berjauhan keluarga, beliau cekal memilih syarikat di Jerman untuk menimba pengalaman dalam bidang yang diminatinya.



Pengalaman baharu 30 pelajar antarabangsa sambut raya di Malaysia

Ternyata, pengalaman 30 pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk meraikan sambutan hari raya Aidilfitri di Kuantan, Pahang Malaysia memberikan pengalaman dan suasana yang baharu kepada mereka.

Mereka berpeluang mengunjungi rumah seorang penduduk di Kampung Katapang Tengah, Pekan Pahang Wan Mohd Zain Wan Mohd pada sambutan Hari Raya Aidilfitri yang lalu. Pelajar tersebut turut disambut mesra oleh anak Wan Mohd Zain iaitu Wan Nazrul Helmy.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim, pelajar-pelajar ini berasal dari Yaman, Afganistan, Pakistan, India, Sudan, China, Nigeria, Indonesia dan Bangladesh.

“Aktiviti ini mampu untuk mengubat kerinduan mereka terhadap kaum keluarga tercinta dan sahabat handai di negara masing-masing,” ujar beliau.

Salah seorang pelajar dari Nigeria, Geoffery Ogadimma Asiegbu, 44 berkata, walaupun perasaan sedih itu wujud kerana tidak dapat beraya bersama keluarga tetapi dengan adanya aktiviti sebegini secara tidak langsung membuatkan saya gembira apabila mneyambutnya bersama rakan-rakan yang lain. Geoffery merupakan pelajar Sarjana Kejuruteraan Elektrik sejak dua tahun yang lalu.

Manakala rakannya, Mazza Seddiq Adam Abbakar, 31 dari Sudan pula mengakui yang sambutan hari raya kali ini merupakan pengalaman manis buatnya kerana dapat merasai budaya kunjung mengunjungi yang diamalkan di Malaysia.

Majlis Sambutan Hari Raya ini juga turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr Yuserrie Zainuddin yang hadir meraikan sambutan bersama-sama pelajar antarabangsa ini.





179 calon SPM pelajari Format Ghani untuk mudah ingat pelajaran



Seramai 179 orang pelajar tingkatan lima dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Indera Shahbandar dan SMK Peramu Jaya menyertai program teknik mencatat nota dengan menggunakan kaedah Format Ghani sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada hujung tahun ini.

Program ini adalah sebahagian daripada inisiatif Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menjayakan program dalam Empower Mahkota ECER Kuala Pahang bagi meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah.

Menurut Pengurus Projek Pembangunan Sosial ECER-UMP, Zainal Bahari berkata, program ini adalah sebahagian daripada program korporat sosial yang dilaksanakan dengan kendalian Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari)

dalam membantu para pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan SPM.

“Selain mengikuti program ini, pelajar juga diberi peluang mempelajari teknik menjawab soalan bersama guru pakar dalam subjek teras serta melaksanakan program motivasi,” katanya selepas tamat program yang diadakan di Dewan Kuliah Utama Blok W di UMP Gambang pada 22 Jun 2013 yang lalu.

Katanya, maklum balas positif diterima daripada pihak sekolah apabila guru-guru mendapati pelajar lebih berminat dan bersemangat dalam pelajaran dapat dilihat menerusi kehadiran beberapa program yang dilaksanakan.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi UMP, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, Format Ghani merupakan hasil penyelidikan beliau yang boleh dimanfaatkan pelajar sebagai kaedah belajar serta menghafal fakta secara mudah ringkas dan padat.

Tambah beliau, Format Ghani ini juga telah membantu lebih 30 buah sekolah bagi membantu pelajar dalam penyediaan nota dan kemahiran belajar melalui analisis profil kemahiran.

“Pelajar perlu banyak menjawab latihan tubi atau mendapatkan soalan-soalan peperiksaan dari pelajar lain untuk meningkatkan lagi kemahiran menjawab dalam peperiksaan,” katanya.

Peserta dari SMK Indera Shahbandar, Nurul Syafiqah Ramzi, 17 berkata, beliau amat bersyukur apabila berpeluang untuk menyertai program ini dan berhasrat menggunakan Format Ghani dalam menyalin nota dengan cara yang lebih mudah diingat.

Manakala peserta lain, Mohd Ikmal Ashraf, 17, dari SMK Peramu Jaya berkata, program ini banyak memberi manfaat kepada mereka untuk memudahkan teknik pembelajaran terutamanya sebagai persediaan untuk menempuh peperiksaan SPM pada tahun ini.



Pusat Keusahawanan bangunkan modul berstruktur kredit dan tidak berkredit

Berita dan Foto Oleh: AHMAD HILMY AGIR

Pusat Keusahawanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi pembiaya termasuk dari agensi kerajaan, swasta dan badan berkanun di negeri Pahang dalam membangunkan Modul Keusahawanan Berstruktur Berkredit dan Tidak Berkredit. Program diadakan di Hotel Legend Cherating Kuantan pada 6 Julai 2013 yang lalu.

Program ini turut membincangkan rangka kerjasama yang bakal dimetraikan melibatkan UMP dengan agensi pembiaya. Antara agensi yang hadir adalah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Multimedia Development Corporation (MDEC), SME Bank dan SME Corporation.

Agensi lain membabitkan Perbadanan

Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pusat Transformasi Bandar UTC Pahang, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) Wilayah Pantai Timur, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), CIDB Negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP).

Menurut Pengarah Pusat Keusahawanan, Dr Omar Jamaludin berkata, pihaknya berhasrat untuk melahirkan ramai usahawan teknokrat melalui Modul Keusahawanan Berstruktur dan Program Inkubatur Keusahawanan yang diubah suai bagi memenuhi kehendak industri.

“Silibus kursus keusahawanan yang ditawarkan di UMP ini akan disinergikan dengan modul-modul tambahan yang dipersetujui dan diiktiraf pihak industri serta agensi lain. Usaha ini bakal merelisasikan

bidang keberhasilan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dalam melahirkan lebih ramai graduan usahawan menjelang 2015,” katanya dalam perbincangan ini.

Hadir dalam program, Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Teknologi (FTeK), Noor Azlinna Azizan dan Pensyarah FTeK, Mazita Mokhtar sebagai Ketua Program Pusat Keusahawanan. Turut sama hadir adalah wakil penyelarasi setiap fakulti, staf dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFFAD) dan Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK).

Silibus kursus keusahawanan yang ditawarkan di UMP ini akan disinergikan dengan modul-modul tambahan yang dipersetujui dan diiktiraf pihak industri serta agensi lain.



FKP bantu sekolah kluster berentap ke pertandingan antarabangsa F1

Berita dan Foto Oleh: ZURYATY ZOL

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultanah Hajjah Kalsom yang merupakan sekolah kluster bagi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) layak ke Pertandingan *F1 In Schools Technology Challenge World Final 2013* yang bakal berlangsung di Texas, Amerika sempena *Formula One Grand Prix 2013* anjuran *F1 in Schools*, United Kingdom pada 10 hingga 15 November tahun ini.

Kejayaan pasukan Formula One (F1) SPEXLIT yang dinobatkan menjadi johan dalam pertandingan *F1 In Schools* Peringkat Zon Timur dan kejayaannya mendapat tempat kedua di Peringkat Kebangsaan pada penghujung tahun lalu melayakkan pasukan terus bertanding ke peringkat antarabangsa pada tahun ini.

Menurut Guru SMK Sultanah Hajjah Kalsom, Hasfasuriazal Hasman berkata, pasukannya turut berjaya memenangi

lima anugerah lain iaitu Reka Bentuk Terbaik, Persembahan Pameran Terbaik, Persembahan Projek Terbaik, Portfolio Terbaik serta Penyelidikan dan Pembangunan Terbaik.

"Dengan kesungguhan pelajar dan bantuan daripada pihak UMP, pasukan ini juga berjaya memperoleh anugerah 'Best Engineered Car' dalam pertandingan *F1 in Schools Technology Challenge* di peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Pulau Pinang," katanya yang hadir melawat FKP di UMP Pekan baru-baru ini.

Antara pelajar yang terlibat dalam program ini terdiri daripada Emir Adam Zaidi, Mohd. Amirullah Ramli dan Nor Afifah Izyan Izuddin Chong.

Beliau mengharapkan perkongsian kepakaran para pensyarah di UMP ini akan membantu pasukan sekolahnya untuk terus mencipta kemenangan dan mengharumkan

nama sekolah serta negeri Pahang.

Selain itu, pihaknya amat menghargai kerjasama dan sumbangan kepakaran yang telah diberikan terutamanya di kalangan pensyarah dan penyelidik FKP sepanjang menjayakan program Formula 1.

Menurut pensyarah FKP, Dr. Ahmad Razlan Yusoff pula, kejayaan ini juga hasil kerja bersungguh-sungguh pihak pelajar dan guru sekolah ini yang hadir ke UMP bagi membincangkan serta mengadakan perundingan berkaitan dengan penggunaan teknologi pembangunan prototaip persiapan model F1.

Pasukan ini turut dibimbing tenaga pengajar yang lain termasuk pensyarah FKP, Ahmad Rosli Abdul Manaf, Mohd Zairulnizam Mohd. Zawawi, Pegawai Latihan Vokasional, Aidil Shafiza Safiee, Penolong Pegawai Latihan Vokasional, Shahandzir Baharom, Suhaimi Puteh dan Yahaya Saleh.





Pelajar baharu pelajari budaya keusahawanan dalam kampus

Berita dan Foto Oleh: AHMAD HILMY AGIR

Seramai 376 orang pelajar pengajian diploma Universiti Malaysia Pahang (UMP) diterapkan dengan asas pembudayaan keusahawanan di dalam kampus melalui penganjuran Seminar Pembudayaan Keusahawanan Pelajar Baru IPT sesi 2013/2014 yang dianjurkan Pusat Keusahawanan UMP dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pengarah Pusat Keusahawanan UMP, Dr. Omar Jamaludin berkata, program bertujuan mendapatkan data peratusan bilangan pelajar yang telah mendapat pendedahan mengenai pembudayaan keusahawanan yang berstruktur di luar daripada kurikulum.

Ianya adalah merupakan salah satu Indikator Prestasi Utama (KPI) bagi Projek Agenda Kritikal (CAP) Keusahawanan Kementerian Pendidikan Malaysia.

“Seminar juga bertujuan melaksanakan program pembudayaan keusahawanan di dalam pelajar baharu, membentuk budaya dan minat keusahawanan bagi menjadikan keusahawanan sebagai satu kemahiran dan memberikan pendedahan dan pembudayaan keusahawanan yang

berstruktur kepada pelajar baharu,” katanya ketika menyampaikan ucapan di Dewan Kuliah Blok WDKU-1 pada 3 Julai 2013 yang lalu.

Sementara itu, Ketua Program Pusat Keusahawanan, Hajah Mazita Mokhtar berkata, pelbagai program telah dirancang untuk dilaksanakan di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan bagi menyokong program ini, pihak kementerian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM 30,000.00 bagi melaksanakan program seperti ini.

Program juga dijayakan dengan penampilan ikon usahawan bumiputera yang berjaya dan cukup sinonim dalam bidang kejuruteraan awam di Malaysia iaitu Dato’ Ar Haji Mohd Fauzi Haji Yusuf yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah PNB Development Sdn. Bhd.

Selain berpeluang berkongsi maklumat serta pengalaman menceburi bidang perniagaan, para pelajar turut diberi tugasan dalam menjayakan Projek Kemahiran Keusahawanan. Program turut dihadiri staf Pusat Kokurikulum dan pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAFFAD).





Mahasiswa PERSIS bantu pelajar sekolah tingkat motivasi

Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan (SK) Beserah Kuantan menganjurkan Kem Motivasi dan Bestari Ilmu dalam usaha meningkatkan kesedaran serta motivasi di kalangan 150 orang pelajar tahun enam yang bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun ini.

Selain berpeluang merasai kehidupan kampus, para pelajar juga diberi peluang meningkatkan keyakinan dengan program latihan dalam kumpulan serta menyediakan ruang untuk membolehkan pelajar berinteraksi dengan mahasiswa dengan kendalian seramai 20 orang fasilitator daripada PERSIS.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, kecemerlangan pelajar adalah agenda penting dalam sistem pendidikan sekolah. Antara usaha pihak sekolah adalah dengan penganjuran seminar menjawab soalan, kem motivasi dan lain-lain program yang menyokong ke arah pencapaian prestasi pelajar.

Justeru, penganjuran program ini bukanlah sekadar satu program yang diadakan hanya untuk memenuhi diari sahaja sama ada di kalangan mahasiswa ataupun pihak sekolah.

"Sabun tahun UMP menerima permohonan dari pelbagai sekolah sekitar Kuantan malah

hingga ke Johor Bahru mahupun dari Kedah untuk mendapatkan khidmat bakti mahasiswa terutamanya dalam meningkatkan motivasi pelajar sekolah.

"Aktiviti sebegini akan mendorong peningkatan motivasi anak-anak kerana universiti merupakan gedung ilmu dan anak-anak yang berjaya mencapai kejayaan pastinya akan berpeluang belajar di universiti," katanya semasa merasmikan majlis di Dewan Astaka UMP pada 4 Julai 2013 yang lalu.

Beliau menasihatkan para pelajar agar menumpukan sepenuh perhatian ke atas apa yang diajar oleh guru semasa dalam pembelajaran di dalam kelas. Malah katanya, kesedaran harus datang daripada usaha murid-murid sendiri dengan sokongan ibu bapa dan guru.

Guru Besar SK Beserah, Saari Abd. Ghani berkata, program ini dilaksanakan oleh pihak Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai teknik menjawab soalan dan meningkatkan persediaan menghadapi peperiksaan yang bakal berlangsung nanti.

Katanya, pihak sekolah amat menghargai kerjasama UMP dalam membantu menjayakan program ini terutamanya dalam kalangan mahasiswa dari PERSIS yang sanggup berkorban masa pada hari cuti semester pengajian.

Hadir sama dalam program, Yang DiPertua Persatuan Ibu bapa & Guru (PIBG), Ramli Mohamad Khanafiah dan Guru Fazrin Rawaida Fauzi.

Sementara itu, Pengarah Program, Mohd. Zahir Md. Karim yang juga bertindak sebagai fasilitator berkata, mahasiswa berbangga dapat menyumbang bakti selain dapat berkongsi pengalaman kepada mereka untuk berdepan dengan masyarakat apabila tamat pengajian nanti.

Malah, pihaknya juga akan berhasrat untuk terus menyumbang khidmat bakti ke arah kesinambungan program pada masa akan datang. Dalam program ini para pelajar turut berkesempatan melawat sekitar kampus termasuk makmal dan perpustakaan universiti.



Penyelidikan UMP diiktiraf di Amerika Syarikat

UMP meraih kejayaan bermakna di Amerika Syarikat apabila empat penyelidiknya berjaya membawa pulang 4 pingat emas dan satu anugerah dalam *The Invention And New Product Exposition (INPEX 2013)* yang berlangsung di Monroeville Convention Center, Pittsburgh, Amerika Syarikat.

Empat penyelidik UMP terdiri daripada Dr. Hadi Manap dari Fakulti Teknologi (FT), Profesor Dr. Jose Rajan dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Mohd Najib Razali dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, pameran INPEX ini adalah pameran terbesar di Amerika Syarikat yang dikendalikan oleh InventHelp dalam mempamerkan pelbagai ciptaan, produk baharu dan inovasi yang menjadi tumpuan di kalangan pereka/pencipta, usahawan, universiti dan wakil industri dari seluruh negara.

"Penyelidik UMP, Dr. Hadi Manap meraih dua pingat emas dalam kategori Elektrik/Elektrikal dan Pengawasan Keselamatan/Industri dengan penghasilan projek penyelidikan bertajuk *'Real Time NH₃ Monitoring and Alarm System'* yang mengeluarkan bunyi amaran menggunakan sistem pancaran cahaya.

"Penemuan penyelidikan ini akan membantu pekerja industri untuk mengesan kehadiran gas ammonia dalam jangka masa yang singkat iaitu sepantas tiga saat berbanding kaedah biasa enam minit.

"Penemuan penyelidikan ini juga mampu membantu mengelakkan kematian mangsa yang terlibat dalam insiden kebocoran gas

ammonia, kemalangan mahupun kebakaran," katanya semasa mempengerusikan sidang media meraikan kejayaan penyelidik di Bukit Gambang Resort pada 1 Julai 2013 yang lalu.

Kejayaan ini juga diraih Profesor Dr. Jose Rajan yang menang pingat emas dalam kategori pertanian dengan tajuk projek *"Clean Energy Storage Device From Oil Palm Wastes"*.

Penyelidikan ini menemui sumber tenaga (karbon) dihasilkan daripada bahan buangan kulit isirung kelapa sawit yang banyak terdapat dalam industri sawit di Malaysia. Penggunaan sumber karbon ini dapat digunakan sebagai alat simpan tenaga untuk kegunaan.

Kajian ini turut melibatkan Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri, Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Nurul Khairiyah Mohd. Zain, Izan Izwan Misnon, Radiyah Abd. Aziz dan Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Turut menang pingat emas dalam kategori (Alam Sekitar) adalah Mohd Najib Razali dengan tajuk *'Innovative Green Technology Waste Emulsion Treatment System (From Waste to Wealth)'* dalam menangani situasi industri di Malaysia yang berdepan dengan situasi bebanan perbelanjaan yang tinggi dalam merawat sisa minyak emulsi daripada industri pembuatan. Menurut Najib, kajian yang dijalankan mendapati kilang dari industri pembuatan di Malaysia menghasilkan antara 50-60 tan bahan emulsi setiap bulan. Teknologi baharu ini menggunakan campuran beberapa pelarut semula jadi untuk mengasingkan kotoran di dalam mendakan sebagai produk sampingan.

Katanya, ciri-ciri novel ini termasuk mempercepat flokulasi, minyak daripada sisa emulsi dan proses penapisan air

supaya selamat dilepaskan ke sungai. Dengan teknologi ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos malah dapat diguna semula untuk kegunaan industri.

Produk ini turut dijalankan bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Profesor Madya Dr. Abdurahman H. Nour.

Selain itu, UMP turut menemui kaedah pantas kenalpasti jenis kayu-kayan menerusi *Automated Wood Species Recognition For Malaysian Timber*. Penyelidik UMP yang diketuai Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) menemui kaedah baharu dalam mengesan jenis kayu-kayan menggunakan sistem perisian digital. Produk ini menang Anugerah Khas (*Best Invention In Pacific Brim*).

Kaedah ini bukan sahaja mudah digunakan, malah menjimatkan masa apabila keputusan diterima dengan tepat dan cepat. Lebih penting ianya murah dan tanpa memerlukan tenaga kepakaran (*expert*) dalam menentukan jenis kayu ini. Penyelidikan turut melibatkan penyelidik Zalili Musa, Tuty Asmawati Abdul Kadir, Abbas Salimi Lokman dan Chu Kai Chuan.

Dato' Dr. Daing merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua penyelidik yang terlibat dan semoga kejayaan ini akan member suntikan semangat kepada seluruh warga penyelidik dalam meneruskan budaya cintakan dunia penyelidikan dan penghasilan inovasi.

"Kemenangan di pertandingan reka cipta di peringkat antarabangsa ini bukannya sesuatu yang mudah tetapi universiti ini berjaya membuktikan bahawa dunia telah mengiktiraf penyelidikan UMP," katanya.



UMP rangkul 18 pingat dan anugerah khas dalam ITEX 2013

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya merangkul 18 pingat dan satu anugerah khas pada Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2013 (ITEX'13) dengan membawa pulang 12 pingat emas dan enam perak.

Pertandingan dianjurkan Malaysian Invention and Design Society (Minds) dengan kerjasama World Intellectual Property Organisation (Wipo) buat kali ke-24 pada 9 hingga 11 Mei 2013 yang lalu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Lebih membanggakan penyelidikan Profesor Madya Dr. Abdurrahman Hamid Nour dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) bertajuk "Water as an Alternative Energy and Pollutant Control" berjaya memikat hati juri apabila hasil penyelidikan berkaitan penemuan air sebagai sumber tenaga alternatif dalam mengawal pencemaran dianugerahkan pingat emas dan Anugerah Khas Henry Goh (Best Green Technology Invention).

Pingat emas turut dimenangi penyelidik dari FKKSA, Dr. Ahmad Ziad Sulaiman dengan penyelidikannya bertajuk "Effect of Ultrasound on Enzymatic Extraction of *Eurycoma Longifolia* (Tongkat Ali) for Cosmeceutical and Nutraceutical Application". Penyelidikan

ini mengetengahkan mengenai kaedah meningkatkan hasil kadar pengekstrakan herba iaitu daripada Tongkat Ali dengan menggunakan teknologi gabungan enzim berbentuk teknologi ultrasound dan sesuai digunakan dalam industri kosmetik.

Sementara itu, penyelidik Rosyati Hamid dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) juga menang pingat emas dengan penyelidikannya bertajuk "An Automated Detection & Quantification of Pus Cells and Epithelial Cells for Sputum Quality Testing with Moving Stage Using Biological Microscope". Penyelidikannya berkaitan sistem untuk mengesan dan mengira virus serta sel yang terdapat dalam kahak dan nanah bagi mendapatkan keputusan yang lebih konsisten.

Begitu juga hasil penyelidikan mengenai alat pegasan *nitrite* yang terdapat pada sarang burung turut memenangi pingat emas menerusi penyelidikan oleh Dr. Tan Ling Ling @ Chong Ling Ling dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Lain-lain pingat emas turut dimenangi Profesor Madya Dr. Ghazi Faisal Najmudeen (FKKSA), Profesor Madya Dr. Maksudur Rahman Khan (FKKSA), Mohd. Najib Razali (FKKSA), Ahmad Rosli Abdul Manaf (Fakulti Kejuruteraan Pembuatan), Profesor

Dr. Kamal Zuhairi Zamli (Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian), Dr. Chong Kwok Feng (FSTI) dan Dr. Gurumurthy Hegde (FSTI).

Penyelidik yang berjaya dianugerahkan pingat perak pula adalah pensyarah Profesor Madya Dr. Md. Maksudur Rahman Khan (FKKSA), Dr. Norrozila Sulaiman (FSKKP), Profesor Dr. Jose Rajan (FSTI) dan Profesor Madya Dr. Md Lutfor Rahman (FSTI).

Dua pingat perak yang diperoleh adalah hasil sumbangan daripada Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) bagi kategori pendidikan iaitu Mardhiyyah Zamani dengan penyelidikannya bertajuk "Zikir Intelligent" dan Dr. Norrihan Sulan dengan penyelidikannya "A Corpus of Thematic Quran Verses".

Pertandingan kali ini juga menyaksikan booth UMP turut berjaya memikat hati juri apabila dinobatkan pingat emas bagi Kategori Reka Bentuk Booth Pameran Terbaik.

Pameran bertemakan Kejuruteraan dan Teknologi ini dirasmikan oleh bekas Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Malaysia, Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Haji Omar Abdul Rahman dengan penyertaan lebih daripada 500 projek penyelidikan tempatan dan luar negara.

Tukun tiruan bantu pelihara ekosistem hidupan



Oleh: GAN LEONG MING

Pulau Tioman diiktiraf sebagai antara 10 pulau tercantik di dunia yang mempunyai banyak hidupan marin termasuk terumbu karang berwarna-warni. Pulau ini sentiasa menjadi daya tarikan serta menggigit kehadiran pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Namun, akibat aktiviti pelancongan yang pesat, isu pemanasan global dan lain-lain faktor persekitaran menyebabkan bilangan hidupan marin semakin berkurang, dasar laut menjadi semakin kosong serta memusnahkan batu karang.

Justeru, demi memelihara dan memperkayakan hidupan marin, krew Artificial Reef Project (ARP) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang diketuai Profesor Dato' Dr. Haji Rosli Abu Bakar mereka bentuk sejenis tukun tiruan konkrit besi berdasarkan konsep pasang-siap.

Menurut Profesor Dato' Dr. Haji Rosli, sehingga kini penyelidik UMP telah mereka bentuk dan memfabrikasikan sebanyak 15 unit tukun tiruan konkrit besi bagi menahan ombak dan seterusnya memelihara hidupan marin di sekitar pusat taman laut Pulau Tioman.

"Setiap unit tukun ini terbentuk daripada tiga keping plat konkrit besi yang beranggaran seberat 200 kg per plat. Reka bentuk tukun tiruan ini mempunyai ciri-

ciri unik seperti bentuk segitiga yang kuat, potensi memotong arus ombak, kawasan perlindungan ikan dan terumbu karang. Selain itu, konsep tukun tiruan pasang-siap ini juga dapat mengurangkan kos pembuatan dan kos pengangkutan.

"Program tukun tiruan UMP ini bermula dengan penanaman tukun tiruan pertama di Pusat Taman Laut Pulau Tioman pada 9 Mac 2013 dan usaha ini diteruskan dengan penanaman 12 unit lagi tukun tiruan pada 18 April 2013 yang lalu," katanya yang berharap projek penyelidikan ini dapat diteruskan dengan mendapatkan peruntukan geran bagi menjalankan penyelidikan dalam menghasilkan lebih banyak tukun tiruan untuk diletakkan di Pulau Tioman ini.

Sebanyak dua unit lagi tukun tiruan yang terakhir dilabuhkan di Pusat Taman Laut Pulau Tioman bersempena *Sultan Ahmad Shah (SAS) International Eco-Challenge 2013* pada 11 Mei 2013 yang lalu.

Program disempurnakan Yang Mulia Leftenan Kolonel Tengku Dato' Seri Kamarulzaman Al Haj Ibnu Al-Marhum Sultan Sir Abu Bakar, Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Hadir sama dalam majlis, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam majlis ini, beliau diberikan penerangan ringkas tentang perkembangan

projek dari awal kajian sehingga kerja pemasangan tukun dijalankan. Selain itu, beliau turut menandatangani plak tukun tiruan sebagai tanda pelancaran program serta menyaksikan pelepasan tukun tiruan ke dasar Taman Laut Tioman.

Malahan, beliau amat berbangga dengan usaha penyelidik UMP ini yang dapat mengaplikasikan hasil penyelidikan untuk dimanfaatkan bagi kepentingan ekosistem marin negara.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, program ini adalah tanggungjawab sosial UMP kepada masyarakat yang selama ini mengambil hasil khazanah dari alam sekitar, maka tibalah waktunya untuk menyumbang semula kepada alam sekitar.

Beliau mengharapkan semoga penyelidik UMP akan terus berusaha untuk menghasilkan penyelidikan yang memberi impak yang boleh digunakan oleh masyarakat.

Pelajar UMP, Mohamad Taufiq Mohamad Tajudin, 21 melahirkan rasa bangga apabila berpeluang menyertai program ini dengan menyumbang kepada salah satu aktiviti penjagaan hidupan marin dan terumbu karang.

Katanya, melalui program ini, mereka mendapati kejuruteraan bukan sekadar menyelesaikan masalah dalam industri malah ianya juga berkenaan dalam pemulihan alam sekitar.



Pelajar FKP menang pertandingan reka bentuk inovasi Malaysia

Oleh: ISMAIL KHAIRUDDIN

Dua pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Azuan Ismail dan Mohd Azri Abdul Rahman menang tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai seribu ringgit dalam Pertandingan Reka Bentuk Inovasi Malaysia yang berlangsung di Hotel Continental Pulau Pinang pada 4 Julai 2013 yang lalu.

Hadiah disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan turut disaksikan Timbalan Presiden Agilent Technology, Shidah Ahmad.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Abdul Wahid berbangga dengan penglibatan peranan sektor swasta dalam mencari bakat baharu di negara ini di samping membuka peluang bagi pelajar untuk mencipta teknologi baharu yang dapat memberi manfaat kepada negara.

Pertandingan menyaksikan kedua-dua pelajar tahun akhir pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik ini berjaya memenangi hati juri dengan projek rekaannya bertajuk *"Railroad Inspector for Railroad Department in Malaysia"*.

Menurut penyelia projek yang juga merupakan pensyarah FKP, Wan Hasbullah Mohd Isa berkata, projek

yang menggunakan konsep pantulan gelombang ini dicituskan sendiri oleh pelajar.

"Hasil rekaan ini mampu mengesan retakan yang terdapat di atas landasan keretapi, malahan dengan mengaplikasikan konsep ini, ianya dapat membantu pihak Keretapi Tanah Melayu (KTM) untuk melakukan penambahbaikan di landasan keretapi.

"Pertandingan reka bentuk ini terbuka kepada semua pelajar tahun akhir kejuruteraan sarjana muda di institusi pendidikan tinggi di Malaysia dengan matlamat untuk menggalakkan budaya inovasi di kalangan graduan universiti," katanya.

Tambah beliau, pertandingan ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kejuruteraan serta menggalakkan lebih banyak hubungan kerjasama universiti dan industri.

Antara industri yang terlibat dalam mencetuskan pertandingan reka bentuk kejuruteraan ini termasuklah Agilent Technology, Altera Corporation, Intel Corporation, Mathworks, National Instruments dan Silterra Malaysia.





UMP, UoS anjur simposium bincang pengurusan lembangan air sungai

Berita dan foto oleh: AZIMAN ABDULLAH

Seramai 40 orang peserta dari negara Korea dan Malaysia menyertai program simposium antarabangsa, *3rd Workshop Korea Malaysia Symposium on Watershed Management for Sustainable Earth* yang membincangkan berkaitan teknologi dalam pengurusan lembangan air sungai melibatkan perkongsian kepakaran di dua negara ini.

Program pada kali ini diadakan di University of Seoul (UoS) pada 28 Jun 2013 yang lalu setelah dua kali berjaya dianjurkan di Kuala Lumpur hasil kerjasama antara UoS dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dikendalikan di bawah Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM).

Para peserta terdiri daripada ahli akademik, penyelidik dan agensi kerajaan dan swasta berkaitan pengurusan lembangan air. Antaranya yang hadir adalah Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Ir. Hj Ahmad Jamalluddin dan Pengarah Bahagian Sungai NAHRIM, Dr. Nasehir Khan.

Hadir dalam membentangkan kertas

kerja dalam simposium ialah Dekan College of Urban Sciences dari University of Seoul dan Professor Choi Geun Hee dan Pengarah Pusat Pembangunan dan Penyelidikan, Core Technologies for Water Treatment, Profesor Kim Hyunook. Turut sama hadir Pengarah Eco-smart Waterworks System, Profesor Noh Soo-Hong.

Menurut Pengarah CERRM, Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak, program ini adalah salah satu usaha hasil termetrainnya jaringan kerjasama antara UMP dan UoS. Malah, menerusi hubungan baik ini juga beberapa usaha perpindahan teknologi dan pengetahuan bakal dilaksanakan nanti.

Selain itu, terdapat juga pensyarah yang akan menyambung pengajian di peringkat kedoktoran di Korea melalui biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala seramai tiga orang alumni UMP juga akan menyambung pengajian di peringkat sarjana dengan biasiswa kerajaan Korea.

Dalam program ini, delegasi dari Malaysia juga berpeluang melawat ke Projek Pemuliharaan Sungai di Sungai Cheonggyecheon.



智能生活 — 無線城市 28 — 30 / 06
 5th **CM** 澳門通訊展 2013
 COMMUNIC MACAU EXPO

“2013國際創新發明展” 頒獎典禮
 International Innovation & Invention Expo 2013 Award Ceremony



4 pelajar lakar kejayaan dalam penyelidikan

Empat pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menempa nama di persada antarabangsa apabila meraih dua emas, dua perak dan tiga anugerah khas dalam 2013 Macau International Innovation & Invention Expo berlangsung di Macau Fishman's Wharf & Exhibition Centre, China pada 30 Jun 2013 yang lalu.

Dalam ekspo ini sebanyak 400 produk penyelidikan dari seluruh dunia dipamerkan dan antaranya melibatkan dari negara Croatia, Korea, Taiwan dan Malaysia.

Dalam pertandingan ini, pingat emas dimenangi Muhammad Noor Azreen Mohd Khairu dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan tajuk projek *Recycling of Monoethanolamine (MEA) Wastewater Using Bioadsorbents Treatment system (From Waste to Wealth)*. Penyelidikan ini juga menerima anugerah khas Hong Kong Invention Associations.

Menurut Muhammad Nor Azreen, penyelidikannya berkaitan proses rawatan sisa buangan cecair kimia *Monoethanolamine (MEA)* yang merupakan medium yang

digunakan untuk menyerap karbon dioksida (CO₂) dari gas asli mentah dalam loji pemprosesan gas.

“Kajian ini menemui kaedah terbaik dalam merawat sisa buangan cecair MEA dan mendapatkan kembali keberkesanannya untuk menyingkirkan CO₂.”

“Penjerap semula jadi yang digunakan dalam kajian ini adalah chitosan, sekam padi, kulit pisang dan hampas tebu,” katanya yang mengharapkan penyelidikannya ini dapat membantu industri dalam menyelesaikan masalah di loji pemprosesan gas.

Tambahnya, kajian ini turut mendapat kerjasama daripada Loji Pemprosesan Gas PETRONAS di Kerteh.

Kegembiraan ini juga dikongsi Nurul Asyikin Mohd Azam dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) yang merangkul pingat emas dan menerima anugerah khas *World Invention Intellectual Property Associations (Macau)* dengan penyelidikannya bertajuk *EBN Pheromone Booster*.

Sementara itu, pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP),

Hazim Anas Mohamad pula menerima pingat perak dan anugerah khas *Korea Invention Associations* dengan kemenangan projek bertajuk *Smart Attendance Management System*.

Manakala Mohd Syaifulsyam Abdullah dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) turut menerima pingat perak apabila hasil kajiannya bertajuk *Mangifera Indica or Odorata Leaves Waste for low Cost Adsorbent* juga berjaya menarik perhatian juri.

Hasil kajiannya menggunakan penjerap daun mangga yang diaktifkan dalam menyelesaikan masalah rawatan air buangan industri yang mengandungi logam berat. Selain dapat mengurangkan kos rawatan air buangan industri, ianya turut dapat memelihara alam sekitar.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berbangga dengan pencapaian ini dan mengharapkan dapat menyuntik semangat dalam kalangan pelajar untuk terus menghasilkan penyelidikan yang dapat dimanfaatkan dan dikongsi bersama masyarakat.



UMP latih usahawan mengenai pengekstrakan dan teknik pemprosesan herba

Berita dan Foto Oleh: DR. AHMAD ZIAD SULAIMAN

Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan kerjasama Unit Pembangunan Usahawan MARA (PUSMA) dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) menganjurkan bengkel dalam meningkatkan pengetahuan peserta mengenai pengekstrakan dan teknik pemprosesan herba tempatan pada 10 Jun 2013 yang lalu.

Seramai 19 orang usahawan herba dari seluruh negeri Pahang menyertai kursus yang ditaja sepenuhnya oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) selama tiga hari dengan kendalian Pensyarah Kanan FKKSA, Dr Ahmad Ziad Sulaiman dibantu Penolong Pegawai Latihan Vokasional, Zainal Gimam dan Zulhabri Khadisah.

Menurut Dr. Ziad, latihan ini dapat membantu peserta memahami teknik yang betul tentang cara-cara pengekstrakan herba yang mempunyai nilai yang tinggi di pasaran.

“Kebanyakan peserta terdiri daripada pengusaha-pengusaha produk-produk yang

berasaskan herba. Maka, mudah bagi kami menerangkan tentang penggunaan herba dari sudut kesihatan dan perubatan,” katanya.

Selain itu, peserta juga diberi peluang untuk menjalankan latihan secara amali di makmal dengan menjalankan proses pengekstrakan herba *Habbatus Sauda* dan *Tongkat Ali*.

Tambah beliau, hasil daripada pengekstrakan ini, para peserta juga didedahkan dengan latihan amali bagi penggunaan *High Performance Liquid Chromatography* (HPLC) untuk menganalisis tahap ketulenan hasil pengekstrakan yang telah dijalankan.

Katanya, kebanyakan peserta berpuas hati dengan perjalanan program dan mengharapkan UMP dapat membantu usahawan-usahawan herba terutamanya dari negeri Pahang untuk mendalami aspek teknologi pengekstrakan serta memberikan peluang buat mereka mendapatkan khidmat kepakaran dalam kalangan pensyarah UMP sendiri.

Kebanyakan peserta berpuas hati dengan perjalanan program dan mengharapkan UMP dapat membantu usahawan-usahawan herba terutamanya dari negeri Pahang untuk mendalami aspek teknologi pengekstrakan serta memberikan peluang buat mereka mendapatkan khidmat kepakaran dalam kalangan pensyarah UMP sendiri.

Penerbit UMP antara 10 penerbit universiti terbaik di PBAKL 2013



Oleh: MUHAMMAD AZLI SHUKRI

Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencipta rekod jualan baharu di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2013 (PBAKL) yang berlangsung pada 26 April hingga 4 Mei 2013 yang lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Menurut Pengarahnya, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang, dengan kenaikan 40 peratus jualan buku berbanding tahun 2012, ia meletakkan Penerbit UMP dalam kelompok 10 Penerbit Universiti Awam terbaik dari aspek pendapatan jualan keseluruhan di PBAKL 2013.

“Pencapaian ini secara tidak langsung menterjemahkan agenda Kelestarian Kewangan UMP di bawah inisiatif KRA 2 yang mensasarkan agar Penerbit UMP menjana pendapatan untuk universiti.

“Laporan rasmi daripada Jawatankuasa Pemasaran Buku Ilmiah MAPIM baru-baru ini membuktikan Penerbit UMP boleh berbangga apabila sebaris dengan penerbit-penerbit universiti terkenal tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dari aspek perolehan pendapatan daripada hasil penerbitan.

“Hasil jualan buku Penerbit UMP yang tinggi ini juga secara tersiratnya menggambarkan tahap kualiti dan penerimaan masyarakat terhadap produk penerbitan yang diterbitkan oleh Penerbit UMP selama ini,” ujar beliau.





UMP terima 70 ribu sumbangan zakat Etika bantu ringankan beban pelajar

Dalam menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR), Etika Takaful Berhad menyumbang sebanyak 70 ribu kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam usaha membantu meringankan beban pelajar yang mengalami masalah kewangan sewaktu dalam pengajian di universiti.

Serahan replika cek sumbangan disampaikan Timbalan Presiden, Ketua Cawangan Pantai Timur, Etika Insuran dan Takaful, Tengku Saiffudin Tengku Zainal Abidin kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dalam Majlis Penyerahan Zakat Pelajar UMP dan Berbuka Puasa anjuran Etika Takaful Berhad Cawangan Kuantan.

Menurut Tengku Saiffudin, bantuan kali kedua sebanyak 70 ribu ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha agensi ini dalam menunaikan tanggungjawab membantu pelajar miskin yang sedang melanjutkan pengajian untuk meneruskan pengajian di UMP.

“Pada tahun ini juga, pihak Etika turut membantu mereka yang memerlukan termasuklah pelajar di Pondok Darul Salam di negeri Terengganu, pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) dan Majlis Agama Islam Kelantan,” katanya semasa menyampaikan ucapan di Hotel Megaview

Kuantan pada 18 Julai 2013 yang lalu.

Tambah beliau, sokongan padu ini memberikan peluang Etika menyampaikan sumbangan untuk disalurkan kepada mereka yang memerlukan.

Sementara itu, Profesor Dr. Yuserrie berkata, dengan adanya sumbangan ini pihaknya akan mengenal pasti pelajar yang memerlukan dan layak menerima sumbangan bagi meringankan beban kewangan pelajar terutamanya yang berada di semester akhir pengajian.

“Sumbangan bukan sahaja wang tunai yang diberikan di antara 500 ringgit hingga ke 700 ringgit bergantung kepada latar belakang pelajar, malahan bantuan ini juga meliputi yuran pengajian, komputer, buku, peralatan kesihatan atau perubatan

mengikut keperluan pelajar,” katanya.

Tambah Profesor Dr. Yuserrie, ramai dalam kalangan pelajar yang malu untuk membuat permohonan dan staf di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAFFAD) akan mengenal pasti pelajar serta menghebahkan maklumat permohonan dalam laman sesawang universiti.

Katanya, UMP turut memanjangkan permohonan dalam kalangan pelajar antarabangsa yang beragama Islam dan setiap permohonan yang diterima begitu ramai sehingga kadang-kadang mencecah 500 pemohon untuk disaring oleh pihak SAFFAD.

Lebih 100 orang hadir memeriahkan program yang disusuli dengan majlis berbuka puasa.

Bantuan kali kedua sebanyak 70 ribu ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha agensi ini dalam menunaikan tanggungjawab membantu pelajar miskin yang sedang melanjutkan pengajian untuk meneruskan pengajian di UMP.



Sambut..... Sukarelawan Misi Kemanusiaan UMP ke Kemboja disambut oleh penduduk-penduduk tempatan sebaik sahaja pasukan misi tiba di sana.



Berbuka..... Majlis berbuka puasa yang diadakan setiap kali ketibaan Bulan Ramadan di Masjid UMP Gambang.



Kental..... Myrza Fasha berjaya dalam pendakian menawan puncak tertinggi dunia Gunung Everest.



Baharu..... Siswa baharu ketika sesi pengambilan gambar untuk kad pelajar sewaktu mendaftar bagi mengikuti pengajian peringkat diploma di UMP.



Anak angkat..... Majlis penyerahan anak angkat kepada penduduk Kampung Budu, Kuala Lipis sempena Program Kembara Pahang FM Bersama UMP .



Kerjasama..... Pelajar antarabangsa UMP yang menjayakan program Jelajah Ramadan RTM anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan UMP dengan kerjasama pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya.



Penyelidikan..... Antara penyelidik UMP yang menyertai Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2013 (ITEX'13).



Peluang..... Anak-anak yatim dibawa membonceng motosikal berkuasa besar sempena Program Bersama Kasih: Kembara Amal Ramadan di UMP Pekan.



Meriah..... Sebahagian pelajar yang turut serta menjayakan Karnival Ponggal 1Malaysia peringkat UMP.



Klik-Klik Lensa



UMP terima sumbangan 30 ribu zakat Bank Islam

Bank Islam (M) Berhad menyerahkan zakat berjumlah 30 ribu kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk disalurkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dan mempunyai masalah kewangan sepanjang sesi pengajian di UMP.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, sumbangan ini adalah usaha Bank Islam untuk bersama-sama universiti dalam membantu mereka yang layak untuk meneruskan pengajian dengan sempurna di kampus.

“Bank Islam merupakan sebuah Institusi yang mula menyumbang zakat kepada UMP sejak tahun 2010 dan dengan wang zakat ini dapat meringankan beban pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga susah dan daif agar tidak mengganggu sesi pengajian mereka.

“Sehingga tahun lalu, hampir 300 ribu ringgit wang zakat yang diterima dari pelbagai institusi telah diagihkan kepada pelajar-pelajar UMP yang berkecukupan.

“Agihan bantuan ini meliputi tanggungan sara hidup dan yuran pengajian pelajar, malahan UMP juga meluaskan bentuk agihan termasuk bantuan pembelian

alat pembelajaran seperti komputer dan buku rujukan kepada pelajar yang layak.

“Setakat ini ramai pelajar telah menerima manfaat hasil daripada pemberian sumbangan zakat perniagaan ini dan pihak pentadbiran UMP berterima kasih kerana keprihatinan tersebut,” katanya yang hadir menerima replika sumbangan pada 27 Jun 2013 yang lalu.

Majlis penyerahan sumbangan zakat perniagaan itu disempurnakan oleh Ketua Syariah Bank Islam, Tuan Haji Mohd Nazeri Chik bertempat di Dewan Bankuet Canseleri UMP Gambang.

Menurut Haji Mohd Nazeri, Bank Islam telah membelanjakan sebanyak RM120 juta untuk pembayaran zakat sejak tahun 1983. Sumbangan ini hasil pencapaian keuntungan Bank Islam mencecah 600 juta dan merupakan pencapaian tertinggi sejak 30 tahun sejak penubuhan bank itu.

Beliau mengharapkan UMP dapat membantu dalam menyampaikan sumbangan ini agar dapat dimanfaatkan pelajar untuk meringankan beban kewangan mereka di kampus.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM), Profesor

Dr. Zulkefli Yaacob, Pengurus Perniagaan Konsumer BIMB Negeri Pahang, Dato' Abd Manan Talib, Pengurus Perniagaan Komersial BIMB Negeri Pahang, Azmi Abdullah, Pengurus BIMB, Amirudin Mohamed Ariffin dan Penolong Pengurus BIMB Negeri Pahang, Rosdi Ab Rahim.



Wacana Pengurusan bincang tadbir urus terbaik



Oleh: WAN AZLEE HAJI WAN ABDULLAH

Menyedari kepentingan tadbir urus yang kukuh demi mencapai hasrat Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi sebuah universiti bertaraf dunia selari dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) dan Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi (BLPK) menganjurkan program wacana pengurusan dalam kalangan staf universiti pada 20 Jun 2013 yang lalu.

Wacana bertajuk "*Strengthening Institutional Governance Towards A World-Class Organization*" ini disampaikan seorang tokoh korporat iaitu Dato' Abdul Rauf Rashid yang merupakan Country Managing Partner di Ernst & Young Malaysia.

Selain sebagai Fellow Institute Chartered of Accountants di England & Wales (ICW), beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Eksekutif Institut Akauntan Malaysia (MICPA) dan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta mempunyai pengalaman profesional lebih daripada 20 tahun dalam bidang jaminan dan khidmat nasihat bukan sahaja di kalangan syarikat-syarikat besar bertaraf antarabangsa, malah melibatkan syarikat berkaitan kerajaan serta pelbagai pelanggan tempatan dan industri.

Dato' Abdul Rauf dalam menyampaikan pencerahan, menekankan pentingnya

tadbir urus yang baik dan berkesan dalam membentuk nilai dan budaya kerja yang cemerlang serta amalan prinsip-prinsip akauntabiliti, integriti, ketelusan, keterbukaan, pengurusan risiko, proaktif dalam tindakan, komunikasi berkesan dan hubungan kerja yang harmoni.

"Setiap organisasi mempunyai kerangka kerja (*framework*) yang berbeza bergantung kepada objektif dan kehendak pemegang taruh. Malah, governan itu juga tidak bersifat statik," katanya yang turut menekankan keperluan sesebuah organisasi itu mempunyai prinsip dan garis panduan yang jelas untuk dipatuhi.

Di samping itu, kepimpinan berkualiti diperlukan agar pengarah urusan atau golongan pengurus ini dapat melihat dalam semua sudut pandangan secara keseluruhan (*helicopter management*).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang hadir menyampaikan ucapan berkata, setiap staf UMP harus berperanan dan memahami tanggungjawab mereka dalam usaha mencapai status universiti berautonomi melalui keutuhan tadbir urus institusi, sumber manusia, akademik dan kewangan.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim dan

Timbalan Pendaftar PPKPK, Haji Abdul Shukur Ishak.

Kira-kira 100 orang staf UMP dalam kalangan barisan pengurusan, Jawatankuasa Pelan Strategik UMP serta staf pengurusan dan profesional memenuhi Dewan Tun Fatimah di UMP Kampus Gambang.



Persatuan Wanita UMP

hulur sumbangan bantu anak yatim dan miskin Nur Iman

Dalam menjalankan tanggungjawab sosial, Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) menghulurkan sumbangan sebanyak dua ribu ringgit kepada Rumah Anak Yatim dan Miskin (Nur Iman). Sumbangan diserahkan bersempena dengan Majlis Berbuka Puasa bersama penghuni Rumah Nur Iman di Kampung Kempadang Sungai Soi, Kuantan pada 28 Julai 2013 yang lalu.

Dalam majlis ini seramai 37 orang anak-anak yatim dan miskin turut menerima sumbangan duit raya yang disampaikan oleh Penasihat Persatuan Matahari, Datin Fazia Ali. Majlis turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Menurut Presiden Persatuan Matahari, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, dalam menjalankan tanggungjawab sosial, pihak persatuan mengambil berat terhadap masyarakat sekeliling dengan membantu mereka yang kurang berkemampuan.

"Bagi melaksanakan hasrat ini, pihak persatuan menjalankan pelbagai aktiviti untuk mengumpul dana kewangan. Antaranya adalah mengumpulkan telekung untuk disumbangkan di masjid dan surau sekitar Kuantan serta menjalankan jualan amal hasil daripada koleksi pakaian terpakai atau yang baharu yang disumbangkan staf universiti serta pihak luar.

"Hasil daripada jualan ini akan diagihkan ke rumah anak yatim dan disumbangkan kepada golongan yang memerlukan bagi meringankan beban mereka. Memandangkan Hari Raya Aidilfitri bakal menjelma tidak lama lagi, sumbangan ini pastinya dapat menceriakan anak-anak untuk meraikan perayaan ini dalam suasana gembira dan ceria," katanya.

Sementara itu, Yang di-Pertua Rumah Nur Iman, Haji Badrul Huzaini Mohd. Yusof berkata, pihaknya berterima kasih atas keprihatinan pihak luar dalam usaha membantu anak-anak yatim dan miskin dengan memberikan sumbangan kewangan, tenaga dan idea dalam menguruskan anak-anak ini.

"Nur Iman beroperasi sejak 1 Julai 2011 dengan pengambilan pertama seramai empat orang pelajar lelaki. Namun, kini jumlahnya kian bertambah termasuk



pengambilan seramai 18 pelajar perempuan yang ditempatkan di luar asrama berdekatan memandangkan penginapan tidak mencukupi," ujarnya.

Beliau juga mengharapkan sumbangan orang ramai dalam menyumbang bagi menyediakan kelengkapan dan kemudahan termasuk perbelanjaan penghuni di sini.

Selain memohon sumbangan daripada Majlis Ugama Islam dan Adat resam Melayu Pahang (MUIP), pihaknya juga menjual Sijil Waqaf Pembangunan Nur Iman dengan harga dua puluh ringgit sekeping kepada orang ramai yang berniat untuk menderma.

Katanya, dengan siapnya surau yang boleh memuatkan 100 orang jemaah di petempatan ini memudahkan penghuninya melaksanakan aktiviti solat jemaah, tazkirah, mengaji Al-Quran dan sebagainya.

Pihaknya menyediakan sistem pembelajaran dua aliran iaitu aliran agama

sepenuhnya (sistem pondok dan tahfiz) dan aliran akademik. Namun Nur Iman berusaha sedaya upaya menyediakan alternatif bagi pelajar yang kurang cemerlang akademik mengikuti pembelajaran aliran agama yang boleh membentuk menjadi insan bertaqwa.

Penghuni Rumah Nur Iman, Nor Farah Ani Rani, 15 tahun dari Kampung Anak Air Kuantan berkata, beliau yang merupakan anak yatim piatu tinggal bersama adiknya, Nor Suraya, 12 tahun di rumah berkenaan.

Mereka yang kehilangan ayah sejak tiga tahun lalu turut kehilangan ibu tersayang sejak dua bulan lalu. Katanya, perasaan rindu terhadap keluarganya sedikit terubat tatkala menerima kunjungan tetamu yang hadir dan meraikan majlis berbuka puasa bersama-sama rakan yang senasib dengannya.

Program berakhir dengan majlis berbuka puasa beramai-ramai dan disusuli dengan solat tarawih berjemaah.



PBMSK

sumbang kerusi untuk kemudahan pelajar sekolah

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyampaikan sumbangan sebanyak 72 kerusi untuk digunakan pelajar di empat lokasi iaitu Pusat Pengajian Tahfiz Mahad Bahasa & Ilmu Al Quran (MABIQ), Sekolah Rendah Ibnu Abbas, Pertubuhan Kebajikan Darul Nisa dan Sekolah Kebangsaan Panching Selatan.

Majlis penyerahan sumbangan disampaikan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan) PBMSK, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab kepada wakil penerima sumbangan bersempena Program Khidmat Masyarakat anjuran PBMSK dan Waja Performance Club (WPC) pada 25 Mei 2013 yang lalu.

"Program ini memberi makna yang mendalam kepada pelajar terutamanya di MABIQ dalam menuntun ilmu keagamaan. Malah, program kerjasama ini memberi peluang dalam kalangan staf UMP dan pihak luar untuk menghulurkan sumbangan serta mengeratkan silaturahim bersama pelajar di sini," katanya di MABIQ Pantai Sepat Kuantan.

Beliau yakin bahawa masa depan anak-anak ini banyak bergantung kepada apa yang mereka pelajari. Dalam usaha membentuk masa depan yang lebih cemerlang adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai hamba Allah untuk membantu

mereka yang memerlukan.

Pengurus MABIQ, Ustaz Jamaluddin Abdul Jabbar menghargai sumbangan dan sokongan yang diberikan banyak pihak atas keprihatinan masyarakat dalam menghulurkan bantuan para pelajar di sini bagi mengurangkan beban perbelanjaan yang ditanggung dalam menguruskan pusat ini.

Turut diadakan program bergotong-royong mengecat bangunan, aktiviti riadah dan perlawanan bola sepak dengan berkain sarung. Majlis turut dihadiri kira-kira 100 pelajar, 25 keluarga ahli Kelab WPC sekitar Kuantan dan Terengganu serta warga UMP.

Bagi pelajar MABIQ, Mohamad Hafiz Rozali, 17 yang berasal dari Marang, Terengganu melahirkan perasaan gembira apabila berpeluang bertemu dengan masyarakat yang kerap berkunjung ke pusat pengajian ini.

Manakala pelajar tahun tiga Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Chen Chee Fong, 24 berbangga kerana dapat membantu dalam menghulurkan tenaga, masa dan kerjasama walaupun berlainan bangsa dan agama.

Majlis turut dihadiri pensyarah PBMSK, Ustaz Abdul Kamil Jamaludin, Pengarah, Badrul Naim Abidin dan Ketua WPC, Amin Zahari.



Program kerjasama ini memberi peluang dalam kalangan staf UMP dan pihak luar untuk menghulurkan sumbangan serta mengeratkan silaturahim bersama pelajar di sini.



Misi Kemanusiaan “We Love We Care” laksana 13 projek pembangunan pelajar Kemboja

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melaksanakan 13 projek pembangunan bagi menyediakan keperluan asas di Madrasah Al Nikmah Al Islamiah di Kampung Baik An Long yang terletak dalam Wilayah Perkampungan Cham, Kemboja menerusi Program ‘We Love We Care’ Misi Kemanusiaan UMP yang dijalankan. Program dijalankan selama empat hari bermula 20 Ogos 2013 yang lalu.

Antara projek yang telah dilaksanakan termasuklah menyiapkan sebuah asrama lelaki, dewan makan, tandas, tempat berwuduk dan pemasangan jubin lantai asrama dan masjid di kampung berkenaan.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAFFAD) dan Persatuan Alumni UMP melibatkan seramai 40 peserta di kalangan mahasiswa dan alumni UMP dengan bantuan 176 pelajar madrasah serta penduduk kampung yang turun padang membantu dalam membuat jalan masuk dan mengecat masjid, sekolah dan asrama.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, kemudahan yang dibangunkan ini dapat membantu sedikit sebanyak pendidikan anak-anak yang bersekolah di madrasah ini serta kemudahan yang dapat dimanfaatkan bersama penduduk dengan menaik taraf masjid di kampung ini.

Katanya, kemudahan asas pada hari ini jauh berbeza sewaktu kunjungan pertamanya pada dua bulan yang lalu dalam mengenal pasti keperluan sebelum mengusahakan sumbangan dalam melaksanakan projek pembangunan ini.

“Menariknya projek ini memberi peluang penyumbang untuk menaja projek pembangunan di kampung. Pelajar di sini agak tercicir kerana tidak dapat menikmati pendidikan arus perdana disebabkan kedaifan keluarga. Justeru, pembangunan asas diutamakan bagi memastikan anak-anak di sini boleh belajar dengan sempurna.

“Malahan ada dalam kalangan pelajar ini berpotensi dan boleh menjadi insan yang berpelajaran tinggi yang bukan sahaja sebagai pendidik tetapi juga sebagai jurutera atau doktor yang dapat mengubah taraf hidup serta berkhidmat di kampung mereka,” katanya yang hadir bersama isteri, Datin Fazia Ali.

Tegas beliau, UMP sedang mengusahakan dana hasil sumbangan orang ramai bagi menyediakan kemudahan asrama untuk pelajar perempuan dan penginapan guru di madrasah berkenaan.

Manakala menurut Mufti Kerajaan Kemboja, Haji Kamarudin Yusof, pihak kerajaan tidak pernah menyekat usaha dalam membangunkan masyarakat Islam di sini. Pihaknya juga mengalu-alukan sumbangan daripada masyarakat luar terutamanya dalam menyediakan prasarana pendidikan anak-anak yang tinggal jauh di pedalaman.

Beliau turut berkongsi sejarah tentang malapetaka pada zaman pemerintahan Parti Komunis Kemboja di bawah pimpinan Pol Pot dari tahun 1975 hingga 1979 yang meninggalkan kesan yang mendalam terhadap umat Islam.

“Pada masa itu, para guru, ilmuwan dan cendekiawan dibunuh. Pol Pot juga dengan rakusnya melakukan pembersihan etnik yang mahukan kaum Khmer tinggal di Kemboja. Kini negaranya kembali aman dan mula membangun seperti lain-lain negara,” katanya lagi.

Bagi penduduk kampung, Abdullah Aiyob, 42 pula berkata, kesan daripada sejarah ini ramai dalam kalangan umat Islam yang ketinggalan. Namun, kekurangan bukan alasan umat Islam di kampung ini untuk terus berusaha membina sekolah dalam memastikan anak-anak mendapat pendidikan sempurna.

Beliau yang merupakan bapa angkat kepada mahasiswa UMP jurusan kejuruteraan awam, Mohd. Nor Faiz Mohd. Hatta dan Mohd. Ilyas Yusof berkata, kebanyakan keluarga di sini menjalankan aktiviti kampung seperti berladang, membela ternakan dan menangkap ikan. Mereka tidak mampu memberi pendidikan formal kepada anak-anak kerana perbelanjaannya agak tinggi iaitu sekitar 300 USD setahun.

Sementara itu, bagi Junaidi Zakaria yang merupakan alumni UMP berkata, pihaknya berbangga dapat bersama-sama UMP dalam menjayakan program misi kemanusiaan ini yang bukan sahaja dapat menyaksikan sendiri bagaimana kesukaran pelajar di sini yang berusaha sendiri dalam mendapatkan ilmu pengetahuan. Namun yang lebih memberikan keinsafan apabila melihat bagaimana kuatnya semangat mereka untuk mengubah masa depan keluarga.



Manakala bagi mahasiswa UMP, Mohd. Naquiddin Harun, pengalaman tinggal bersama keluarga angkat menjadi kenangan yang tidak akan dilupakan kerana terpaksa berkomunikasi dengan cara tersendiri memandangkan keluarganya tidak memahami bahasa Melayu ataupun Inggeris.

Katanya, mahasiswa berpeluang menimba pengalaman dan mengenali budaya dan adat masyarakat Melayu Champa yang tidak jauh daripada amalan serta masakan Melayu yang seakan sama di Malaysia.

Program diserikan dengan Majlis Sambutan Hari Raya yang diadakan bersempena menutup tirai Program 'We Love We Care' Misi Kemanusiaan UMP di Kemboja.

Hadir sama Mufti Kerajaan Kemboja, Haji Kamarudin Yusof, Gabenor Wilayah Kampung Cham, Haji Sabri Kasim, Imam

Besar Daerah Stuntrong, Haji Tahir Harun dan Penasihat Mufti, Haji Razali Mohd. Jamil.

Dalam program ini, delegasi UMP turut membawa bantuan seperti makanan, pakaian, sejadah, kelengkapan sekolah dan 180 naskhah Al-Quran sumbangan warga UMP dan orang ramai untuk diedarkan kepada pihak madrasah dan orang kampung.

Turut diadakan kelas bahasa Inggeris dan gotong-royong bersama penduduk kampung dalam melaksanakan program pembangunan serta menyiapkan juadah majlis hari raya.

Program pada kali ini juga mendapat sokongan dan sumbangan daripada pihak Perodua, Persatuan Wanita UMP (Matahari), Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Kelab Puchong Bikers dan Jabatan Pendaftar UMP.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFFAD) dan Persatuan Alumni UMP melibatkan seramai 40 peserta dalam kalangan mahasiswa dan alumni UMP dengan bantuan 176 pelajar madrasah serta penduduk kampung yang turun padang membantu dalam membuat jalan masuk dan mengecat masjid, sekolah dan asrama.

Mahasiswa UMP kuasai bacaan Al-Quran bersanad

Seramai sembilan orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mengikuti Program Ijazah Sanad Al-Quran di Kaherah Mesir anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama IQBA Training and Consultancy baru-baru ini berjaya mempelajari dan menguasai sanad Al-Quran dari masyaikh Timur Tengah yang berwibawa.

Menurut Pengarah PIMPIN, Profesor Madya Dr. Hasan Ahmad berkata, program ini diadakan bagi mendapatkan Ijazah Sanad Al-Quran dengan bacaan Al-Quran secara bertalaqqi.

“Sepanjang dua minggu program, ruang masa mereka dipenuhi dengan Kelas Pembacaan Al-Quran dan Kelas Pengajian Tajwid di Darrasah Kaherah.

“Program ini mampu memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang sejarah Islam, cara bacaan bertajwid serta sebutan makhrāj huruf yang betul yang dipraktikkan sejak dari zaman Rasulullah SAW sehingga kini,” katanya dalam majlis meraikan mahasiswa yang berjaya dianugerahkan Ijazah Sanad Al-Quran pada 17 Mei 2013 yang lalu di Dewan Bankuet UMP Kampus Gambang.

Katanya, bagi mendapatkan ijazah sanad ini bukanlah mudah kerana peserta diuji dengan kemahiran membaca Al-Quran dan kebolehan menguasai makhrāj. Mereka juga harus menguasai sekurang-kurangnya 50 peratus ilmu tajwid dan tiada kesalahan berat dalam bacaan yang disampaikan.

“Semasa di Kaherah mahasiswa diajar oleh Syeikh Asyraf Hamid Hasanain Al Azhari Al Misri dan Syeikh Abdul Aziz Al Baidhowi Al Bajuri Al Azhari Al Indonisi bagi kelas pembacaan Al-Quran. Manakala, tenaga pengajar bagi kelas pengajian tajwid ialah Al Fadhil Ustaz Hakim Azizan.

“Program akan diteruskan lagi pada tahun ini dengan penyertaan seramai 30 orang mahasiswa yang berminat untuk mendalami ilmu Al-Quran,” ujar beliau lagi.

Pihaknya turut berhasrat untuk menjemput tenaga pengajar di Mesir bagi melaksanakan program ini di UMP agar lebih ramai mahasiswa berpeluang menyertai program ini.

Dalam majlis ini, Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir menyampaikan ijazah sanad kepada semua peserta. Beliau melahirkan rasa bangga dengan penyertaan pelajar dalam menguasai bacaan Al-Quran dalam jangka masa yang pendek selain mengharapkan agar dapat membudayakan amalan membaca Al-Quran.





Jamunaa

menang 2 anugerah dalam pertandingan Chinese Bridge 2013

Berita dan Foto Oleh: YONG YING MEI

Pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Jamunaa A/P Patchappan, 23 menang dua anugerah dalam pertandingan *Chinese Bridge 2013* peringkat antarabangsa yang berlangsung di Hunan, China bermula pada 1 Julai hingga 12 Julai lalu.

Jamunaa memenangi Anugerah Kecemerlangan dan Anugerah Kharisma serta mendapat biasiswa tajaan pihak Hanban di China untuk membolehkan beliau mempelajari bahasa Mandarin di China.

Menurut Guru Bahasa Mandarin, Yong Ying Mei yang juga jurulatih Jamunaa berkata, persembahan tarian Cina "Burung Merak" dan menyampaikan ucapan dengan tajuk "Jodoh Saya dengan Chinese Bridge" menarik perhatian juri dan para penonton.

"Pertandingan *Chinese Bridge* ialah satu pertandingan kefasihan bahasa Mandarin bagi pelajar bukan Cina di kolej dan universiti yang

dianjurkan oleh Ibu Pejabat Institut Kongzi, Beijing, China atau HANBAN.

"Jamunaa merupakan juara dalam pertandingan *Chinese Bridge* peringkat kebangsaan pada bulan Mei yang lalu dicalonkan oleh Institut Kongzi, Universiti Malaya (UM) untuk mewakili Malaysia dalam pertandingan 2013 "*Chinese Bridge*" peringkat antarabangsa di China," katanya yang mengiringinya pelajar ke pertandingan tersebut.

Tambah beliau, bagi pertandingan ini calon-calon dibahagikan mengikut kategori benua Asia, Eropah, Afrika, Amerika dan Australia manakala semua calon dikehendaki melalui ujian, persembahan, soal jawab dan pucapan awam.

Pertandingan peringkat antarabangsa ini dianjurkan oleh Hanban, China dengan kerjasama Hunan Satelit TV, China ini menyaksikan penyertaan seramai 123 orang calon dalam kalangan 79 buah negara.





Pasukan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diwakili lima pegawai kadet Kor SISPA, iaitu Siti Sarah Omar, Widad Najihah Adanan, Nurbaity Ismail, Nur Atikah Mohamad Zulkifli dan Nurul Athirah Ishak muncul juara mengalahkan peserta lain dalam Pertandingan Perawatan Awal.

Pertandingan diadakan bersempena Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA Kali ke-4 Tahun 2013 yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Batu Pahat, Johor pada 20 Ogos 2013 yang lalu.

Lain-lain pertandingan yang dianjurkan termasuklah Pertandingan Melawan Kebakaran, Explore Race, Pertandingan Menyelamat-CD Skill dan Kawad Kaki.

Dalam program ini seramai 15 pegawai kadet Kor SISPA UMP disertai pegawai bersekutu, pegawai pengiring dan jurulatih Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Negeri Pahang terlibat dalam majlis ini.

Dengan bertemakan 'Mahasiswa Penggerak Kesukarelawanan Negara' program dihadiri lebih 2000 orang pegawai kadet Kor SISPA dari seluruh institusi pengajian tinggi seluruh negara.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung upacara pentauliah pegawai

bersekutu dan pegawai kadet Kor SISPA yang menamatkan latihan.

Menurut Kapten Bersekutu (PA), Mohd Akram Abdul Razak yang juga merupakan Ketua Kontingen UMP berkata, berkat kesungguhan yang ditunjukkan oleh mereka berjaya membawa kejayaan yang cemerlang kepada Kor SISPA UMP khususnya dan sekaligus menaikkan lagi nama UMP di peringkat kebangsaan.

"Ianya juga merupakan satu pengiktirafan kepada Kor SISPA UMP yang telah memberi persembahan kemahiran yang

terbaik semasa pertandingan berlangsung," katanya.

Tambah beliau, pihaknya menghargai sokongan padu daripada pihak JPAM negeri terutamanya daripada pihak Pengarah JPAM Negeri yang turut menyediakan jurulatih pakar dari seluruh cabang JPAM negeri untuk membantu Kor SISPA universiti ini dalam melengkapkan diri anggota.

Majlis turut dihadiri Timbalan Komandan Kor SISPA UMP, Lt. Kolonel Prof Madya Ir Adnan Zulkifli dan pegawai pengiring, Lt. Muda Zaki Ahmad.





Pelajar masuk desa dekati komuniti Kampung Budu

Seramai 37 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) termasuk lapan pelajar antarabangsa mengambil peluang cuti semester pengajian dengan berkampung selama tiga hari di Kampung Budu, Kuala Lipis Pahang bagi menjayakan Program Kembara Pahang FM Bersama UMP pada 29 Jun 2013 yang lalu.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF).

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah program motivasi pelajar, pertandingan mewarna kanak-kanak, sukaneka, kenduri rakyat dan ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz Nurhamizi Jamaluddin dari Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Lain-lain termasuklah kuiz radio, pertandingan memasak menu ikan tawar, lawatan industri desa dan sukan bola sepak persahabatan bagi merapatkan hubungan baik antara para peserta dan penduduk Kampung Budu, Kampung Chat dan Peruang.

Hadir merasmikan program Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri Pahang, Dato' Ir. Mohd Soffi Tan Sri Abd. Razak yang hadir bersama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.

Program turut disertai Ketua Bahagian Rancangan RTM Pahang, Norasmihan Mansor dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung Budu, Kamarzaman Kamaludin.

Menurut Dato' Ir. Mohd Soffi, program ini berjaya memberi pengalaman baharu

kepada para peserta untuk mengetahui latar belakang Kampung Budu yang mempunyai kaitan yang signifikan dengan sejarah termasuklah sejarah pahlawan Mat Kilau terhadap penjajah Inggeris di negeri Pahang.

Beliau berbangga dengan penganjuran program ini yang dapat menyantuni masyarakat perkampungan tradisional seperti di kampung ini bagi membolehkan interaksi langsung yang berkesan dengan warga kampus di samping meneroka aspek sejarah dan warisan tempatan.

Dato' Dr. Daing berkata, ruang masa yang terluang sempena cuti semester ini merupakan peluang keemasan kepada para peserta untuk memasyarakatkan diri mereka melalui pelbagai aktiviti yang diatur serta tinggal bersama keluarga angkat.

"Walaupun dibatasi masa yang terhad, namun permukiman singkat di Kampung Budu ini tetap mampu menampilkan pelbagai aktiviti yang menyentuh setiap lapisan kumpulan sasaran dalam kalangan masyarakat setempat," katanya dalam majlis penutup program di Dataran Kampung Budu, Kuala Lipis, Pahang.

Menurutnya, pelaksanaan program ini adalah manifestasi komitmen UMP untuk memasyarakatkan kewujudannya sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) agar kewujudannya dirasai, kehadirannya dapat dilihat dan suaranya didengari masyarakat.

Katanya, UMP sebagai sebuah universiti yang memfokus kepada bidang kejuruteraan, sains dan teknologi, UMP turut komited untuk meningkatkan literasi ilmu masyarakat, khususnya generasi muda terhadap bidang-bidang tersebut.

Sementara itu pengarah program, Rosshila Idris berkata, penganjuran program ini melibatkan kerjasama pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang sehingga kini telah berjaya dalam berkampung di Kampung Janda Baik, Bentong dan FELDA Sebertak, Bera dalam program yang sama.

Katanya, pelajar dibahagikan beberapa kumpulan bagi menjalankan aktiviti termasuklah dalam membantu menjayakan program motivasi di kalangan 80 pelajar SMK Panglima Perang yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), menjalankan program mengecat Pusat Sumber dan membantu penduduk kampung menyiapkan juadah kenduri rakyat.

Bagi pelajar dari Iraq, Raghad Yaseen Lazim yang sedang menyambung pengajian dalam Sarjana Sains Komputer, beliau berasa seronok kerana berpeluang menyelami kehidupan masyarakat di kampung serta dapat menyertai permainan sukan rakyat.

Beliau juga dapat menikmati juadah istimewa masakan masyarakat desa termasuk membantu ibu angkatnya, Nabsiah Mohd. Nor, 53 yang mengambil bahagian dalam pertandingan memasak gulai ikan patin tempoyak.

Pada program ini juga pelajar berpeluang bertemu dengan masyarakat kampung yang terdiri di kalangan pengusaha gula kabong dan pengusaha industri sambal hitam yang terkenal di negeri Pahang.

Lebih meriah, penduduk kampung disajikan persembahan kenangan mengusik jiwa dengan penampilan artis veteran, Dato' Jeffrydin dan Ruzaini A. Ramli diiringi kombo RTM Pahang yang berlangsung pada sebelah malamnya.



Malam Santai Budaya erat hubungan UMP-UMRAH

Berita dan Foto Oleh: MOHD. ZAKI AHMAD

Kira-kira 500 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri Malam Santai Budaya 2 bagi menyaksikan persembahan kebudayaan antara dua negara melibatkan pelajar UMP dan Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH) dari Kepulauan Riau Indonesia. Acara berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 30 Mei 2013 yang lalu.

Menurut Pegawai Kebudayaan, Unit Kebudayaan dan Kesenian Seni Kreatif, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAFAD), Mohd. Zaki Ahmad, program ini memberi peluang pelajar mengenali kesenian dan budaya masyarakat serantau.

“Penganjuran acara ini adalah kesinambungan daripada penganjuran Malam Santai Budaya 1 yang diadakan pada tahun lalu dengan kerjasama Dhaka Cultural Centre Bangladesh dan Universitas Sumatera melibatkan seramai 40 orang pelajar yang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

“Malam Santai Budaya 2 membolehkan formasi persembahan yang lebih besar dengan melibatkan 89 pelajar dari UMP dan UMRAH.

“Seramai 34 orang pelajar UMRAH terdiri

dalam kalangan penari, pemuzik dan pesilat membuat persembahan diikuti seramai 55 orang pelajar dalam persembahan yang berlangsung selama dua jam,” katanya yang amat berpuas hati dengan komitmen para peserta yang mengadakan persembahan.

Katanya, pihak UMRAH mempersembahkan persembahan Asli Melayu seperti Tarian Zapin Asli, Gurindam 12 Raja Ali Haji, silat dan tarian silat. Lain-lain persembahan melibatkan persembahan tarian dari etnik Bajau, Sabah, Zapin, Tarian Orang Asli dan Tarian Jawa.

UMP juga menampilkan persembahan nyanyian daripada gabungan kumpulan muzik UMP dengan koleksi lagu-lagu moden dan irama asli. Turut mengujakan para delegasi persembahan dua lagu medley lagu dangdut Indonesia bertajuk “Penasaran dan Kopi Dangdut”.

Bersempena dengan kunjungan ini juga, pihak delegasi UMRAH yang diketuai Rektornya, Profesor Dr. Maswardi M. Amin turut berpeluang menghadiri lawatan muhibah sekitar UMP di Gambang dan Pekan serta berkunjung ke kawasan sejarah sekitar negeri Pahang.

Selain itu turut diadakan perlawanan persahabatan sukan futsal antara UMP-UMRAH untuk mengeratkan lagi hubungan

di antara dua pihak.

Lawatan berakhir dengan persembahan gabungan antara penari dan pemuzik UMP dalam mendendangkan lagu bertajuk ‘Tualang Tiga’ yang diiringi penari-penari UMRAH dan UMP di bawah kendalian Sekretariat Kebudayaan dan Seni Kreatif.

Penganjuran acara ini adalah kesinambungan daripada penganjuran Malam Santai Budaya 1 yang diadakan pada tahun lalu dengan kerjasama Dhaka Cultural Centre Bangladesh dan Universitas Sumatera melibatkan seramai 40 orang pelajar yang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Jelajah Ramadan RTM - UMP dekati masyarakat Kuala Pahang

Lebih 300 orang di kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama masyarakat Kuala Pahang hadir memeriahkan program Jelajah Ramadan RTM anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan UMP dengan kerjasama pejabat Ahli Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya untuk mendekati masyarakat serta menyemarakkan sambutan bulan Ramadan pada 19 Julai 2013 yang lalu di Pekan, Pahang.

Lebih menarik, penyediaan bubur lambuk dan juadah berbuka puasa dibuat secara bergotong-royong bersama masyarakat Kuala Pahang dengan pelajar UMP termasuk penglibatan pelajar antarabangsa UMP.

Majlis berbuka puasa turut diserikan dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya, Dato' SH Mohmed Puzi SH Ali yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Penyiaran Negeri Pahang, Zubad Ibrahim, Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim, Pengarah Media Elektronik, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dato' Haji Mustafa Kamal Abd Razak dan Penghulu Kampung Hasan Mohd Shukur.

Menurut Zubad, program dianjurkan bagi mendekati masyarakat secara langsung dalam mengeratkan hubungan dan mewujudkan keakraban antara media dengan khalayak umum.

"Siri jelajah Kembara RTM ini adalah sebagai satu inisiatif Jabatan Penyiaran Negeri mendekati penonton dan pendengar. Justeru, siri jelajah ini dirancang melibatkan beberapa kampung di seluruh Malaysia untuk bertemu dengan masyarakat," katanya.

Penyelaras Program, Zainordin Mohammed berkata program ini merupakan alternatif bagi mendekati masyarakat dengan lebih dekat lagi dan penganjuran kali ini adalah merupakan siri kedua selepas di Maran.

"Selain bergotong-royong memasak dan menyediakan juadah berbuka, para tetamu turut memanfaatkan program dengan tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Nik Ibrahim Abdul dari Majlis Agama Islam Pahang," katanya.

Penganjuran program ini dapat mengeratkan hubungan baik antara UMP dan RTM Pahang. Antaranya program khidmat sosial menerusi program Kembara Pahang di Kampung Janda baik dan Kampung Budu di Kuala Lipis serta Program Moh La Weh di Bera dalam bertemu masyarakat setempat.

Dalam program ini, pelajar antarabangsa UMP, Noor Hindryawati, 35, yang berasal dari Indonesia melahirkan rasa bertuah kerana berpeluang mempelajari cara menyediakan bubur lambuk.

"Sekiranya di Indonesia bubur ini dinamakan bubur Manado, iaitu resepinya hampir sama namun hanya ditambah dengan jagung," ujar beliau.





97 Pelajar SMASH dan SMAI sertai Projek Kilauan Mutiara

Berita dan Foto Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Seramai 97 pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama al-Mashoor Lelaki (SMASH) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Itam (SMAI) berjaya memanfaatkan cuti persekolahan dengan menyertai Projek Kilauan Mutiara anjuran Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 26 Mei 2013 yang lalu di Georgetown, Pulau Pinang.

Pengurus Projek yang juga mahasiswa tahun tiga dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Mohamad Eliyass Jamaruppin 21 berkata, para peserta terdiri daripada calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) di kedua-dua sekolah.

Katanya, di sepanjang empat bulan yang lalu, pihaknya telah dapat berbakti di 17 buah sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia dan projek pada kali ini merupakan aktiviti terakhir Kelab In-Smartive bagi Semester 2, Sesi 2012-2013.

“Projek selama tiga hari yang berlangsung di Kompleks Asrama SMASH ini telah diisi dengan pelbagai modul interaktif yang

menumpukan aspek pembangunan sendiri, komunikasi, kerjasama, kerohanian dan motivasi diri peserta membabitkan seramai 35 fasilitator mahasiswa UMP,” katanya.

Antara aktiviti menarik yang diikuti peserta termasuklah Bursa Saham, Chopppl!, Kau Boleh!, Muhasabah Diri, Explorace, Last Man Standing dan Timeline.

Turut mengisi jadual aktiviti peserta ialah perkongsian khas bersama pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Ismail Abustan mengenai cabaran pemetaan hala tuju akademik pasca SPM.

Hadir merasmikan penutupan projek ialah Pengerusi Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) SMASH, Profesor Dr. Wan Rosli Wan Daud. Turut hadir ialah Ketua Penyelidik Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Mohd. Jamil Mohd. Ja’afar.

Dalam majlis sama, Profesor Dr. Wan Rosli turut menyampaikan Anugerah peserta terbaik kepada Muhammad ‘Arif Mat Naser dari SMASH dan Aminuddin Ahmad dari SMAI.



Mahasiswa berkayuh 60 km sambil melawat lombong bijih timah

Seramai 60 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada 53 lelaki dan tujuh perempuan berjaya mengharungi cabaran konvoi berbasikal sejauh 60 km dalam program Jelajah Kayuh Kembara UMP ke Sungai Lembing, Kuantan pada 19 Mei 2013 yang lalu.

Acara pelepasan peserta disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus yang turut mengetuai konvoi kayuh kembara tersebut. Program kayuhan bermula dari Kompleks Sukan UMP seawal jam 8.00 pagi dan sampai ke Pekan Lama, Sungai Lembing kira-kira jam 12.00 tengah hari.

Dato' Dr. Rosli berkata, aktiviti berbasikal yang dilihat semakin popular dan mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia terutama di UMP kerana persekitaran yang rata dan aktiviti yang lebih santai sesuai untuk mengisi masa terluang. Di samping itu, ianya dapat meningkatkan tahap kesihatan tubuh badan.

"Mahasiswa sendiri dapat menguji ketahanan mental, fizikal dan semangat setiakawan serta membentuk kerjasama di

antara warga UMP. Lebih menarik peserta bukan sahaja mengayuh basikal dari UMP di Gambang hingga ke Sungai Lembing namun turut berpeluang melawat terowong bijih timah yang merupakan sebuah kawasan peninggalan sejarah suatu masa dahulu," katanya.

Tambah beliau, secara tidak langsung ianya dapat membudayakan konsep sukan rekreasi berbasikal melalui elemen sukan pelancongan (*sport tourism*) kepada semua peserta yang mengikuti program.

Sementara itu, Penolong Pegawai Belia dan Sukan merangkap pengarah program, Nor Azazi Mamat pula berkata, beliau amat bersyukur dengan sambutan penyertaan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar dan staf.

Bagi memastikan peserta layak membuat kayuhan dengan jarak yang agak jauh, pihaknya turut menjalankan sesi pemilihan berdasarkan beberapa siri ujian yang telah dijalankan yang menyaksikan hanya 60 peserta yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

"Program ini merupakan kunjungan kedua warga UMP ke Sungai Lembing

namun kelainannya pada kali ini para peserta berpeluang menaiki tren lama untuk memasuki terowong bijih timah yang merupakan kawasan tinggalan sejarah yang terpanjang di dunia iaitu sejauh 322 km.

"Dengan program ini peserta dapat menambahkan pengetahuan mengenai bagaimana perlombongan dilakukan pada zaman dahulu dengan menggunakan lebih 100 bahan serta kaedah penggalian secara manual oleh pekerja lombong zaman dahulu," katanya.

Menurut seorang peserta Muhammad Helmi Jaafar, 23 pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), keadaan cuaca panas terik tidak menghalang beliau dan rakan lain untuk sampai ke terowong Sungai Lembing dan sepanjang melaluinya banyak pengetahuan tentang perlombongan yang dipelajari.

Manakala rakannya, Ilryani Nabilah Kasni, 24, dari Fakulti Kejuruteraan Sains dan Teknologi Industri (FSTI) berkata, beliau tidak menyangka berjaya dipilih dan ianya merupakan pengalaman pertamanya yang tidak dapat dilupakan apabila berjaya berkayuh sejauh ini.





PEKA 2 anjur Kem Jambori Remaja Muslim

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Perwakilan Kolej Kediaman 2 (PEKA 2) dan Alumni Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panching menganjurkan program motivasi sekolah iaitu Jambori Remaja Muslim 2013 membabitkan 120 pelajar calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Program berlangsung di UMP Gambang pada 7 Julai 2013 yang lalu.

Program membabitkan empat sekolah yang terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SMK) Seri Panching, SMK Seri Mahkota, SMK Gambang, SMK Paya Besar dan SMK Pandan, Kuantan.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman (KK2), Nasrul Salim Pakheri berkata, program yang buat pertama kalinya dianjurkan ini bertujuan melahirkan remaja muslim yang bersahsiah tinggi serta menerapkan nilai-nilai kesukarelawanan dalam diri pelajar.

“Dalam program ini, peserta berpeluang tinggal di dalam kampus dan sepanjang program mereka dibantu fasilitator yang terdiri dalam kalangan mahasiswa baharu UMP seramai 30 orang.

“Pendedahan ini mampu memberi persediaan kepada mahasiswa baharu dalam melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti setempat serta mencungkil

bakat mereka menjadi pemimpin,” katanya selepas program perasmian yang diadakan di Dewan Astaka UMP.

Majlis dirasmikan Adun Paya Besar, Yang Berhormat Dato’ Haji Abdul Manan Ismail yang hadir bersama wakil Persatuan Alumni SMK Panching, Saha Abdullah. Hadir sama Pegawai Kebudayaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (SAFFAD), Mohd Zaki Ahmad dan Pengarah Program, Muhammad Syarif Mohd. Sukri.

Dalam ucapannya, Dato’ Haji Abdul Manan mengharapkan para pelajar sekolah dapat mencapai kejayaan dalam akademik yang menjanjikan masa depan yang lebih cemerlang serta dapat memperbaiki taraf hidup keluarga mereka.

Bagi pelajar SMK Paya Besar, Nurul Syima Mat Nah, 17, berkata kem selama tiga hari ini membantunya dalam menjadi muslim yang sejati di samping menyedari keperluan menunaikan tanggungjawab seorang muslim kepada masyarakat.

Manakala bagi pelajar SMK Seri Mahkota, Mohamad Zulharith Zulkifli, 17, beliau berbangga menerima anugerah pelajar lelaki terbaik semasa kem ini dan menurutnya sepanjang program ini memberi beliau banyak ilmu, pengalaman dan bertemu ramai

kawan.

Sepanjang program, peserta dilibatkan dengan aktiviti latihan dalam kumpulan, program muhasabah diri dan aktiviti riadah yang diadakan di Dewan Kuliah 1, Perpustakaan dan padang KK2.



In-Smartive semarakkan kolaborasi UMP-UTY

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Tatkala kebanyakan rakan sekampus pulang ke kampung halaman masing-masing untuk menikmati cuti akhir semester mereka, seramai 23 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada Kelab In-Smartive melalui rutin harian sebagai 'orang kampung' di Dusun Ngepring, Purwobinangun iaitu sebuah penempatan di pedalaman Daerah Istimewa Yogyakarta bersama keluarga angkat masing-masing pada 30 Jun 2013 yang lalu.

'Projek Titik Sentuhan @ Yogyakarta' ini merupakan satu inisiatif mobiliti antarabangsa yang julung kalinya dikendalikan oleh Kelab In-Smartive dengan sokongan pihak Pejabat Menteri Besar Pahang dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang serta kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Universitas Teknologi Yogyakarta (UTY). Program turut melibatkan penyertaan 15 mahasiswa daripada UTY.

Menurut Pengurus Projek, Brahma Wirapati Rossi, 20, objektif utama inisiatif ini ialah untuk menanda aras amalan terbaik program pendampingan masyarakat oleh institusi pengajian tinggi di Indonesia.

Mahasiswa tahun dua, program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri di Fakulti Teknologi (FteK) ini turut menambah bahawa berbeza dengan Malaysia, program pendampingan dan libatsama komuniti oleh universiti di Indonesia distruktur dengan sistematis melalui mekanisme Kuliah Kerja Nyata (KKN) dan Desa Binaan yang menuntut penyertaan mahasiswa secara menyeluruh.

"Justeru, dalam Projek Titik Sentuhan, mahasiswa kedua-dua universiti ini berganding bahu untuk mentransformasi Dusun Ngepring sebagai Desa Binaan UMP-UTY secara lestari," ujar Brahma yang berasal dari Jakarta.

Terletak dalam Kabupaten Sleman, salah satu dari empat Kabupaten di Daerah Istimewa Yogyakarta, Dusun Ngepring yang dihuni kira-kira 200 keluarga bergantung kepada penternakan lembu dan kambing tenusu bermutu tinggi sebagai kegiatan ekonomi utama.

Rutin harian seperti pemerah susu lembu dan kambing, membersihkan kandang ternakan, memasarkan susu yang telah diperah ke koperasi tempatan, mencari rumput dan memberi makan haiwan ternakan tersebut mengisi jadual aktiviti peserta Projek Titik Sentuhan.

Selain itu, para peserta turut berkesempatan memperkenalkan keunikan makanan Malaysia melalui demonstrasi masakan nasi lemak dengan disaksikan oleh kaum ibu dan pemuda Dusun Ngepring.

Mereka juga berpeluang berinteraksi dengan belia tempatan dalam perlawanan bola tampar persahabatan, pembuatan kraftangan dan sesi dialog.

Masjid Baiturrahman di Dusun Ngepring yang sedang menjalani proses baik pulih sempena kedatangan bulan Ramadan juga mendapat sentuhan istimewa mahasiswa UMP-UTY yang turut serta dalam kerja mengecat premis tersebut.

Permukiman mahasiswa UMP-UTY diakhiri dengan *Focus Group Discussion* bertajuk "Pariwisata Sebagai Penggerak Ekonomi Lokal" yang dipimpin oleh Pensyarah Program Alam Bina UTY, Endah Tisnawati.

Turut hadir dalam perbincangan tersebut ialah Naib Rektor (Akademik) UTY, Dr Tri Gunarsih, Ketua Penyelidik Naib Canselor UMP yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan para pemimpin Rukun Warga dan Rukun Tetangga Dusun Ngepring.

Presiden Kelab In-Smartive, Mohd Jamil Mohd Ja'afar, 23, menjelaskan bahawa pihaknya amat berminat dengan pelaksanaan inisiatif Desa Binaan sebagai program pendampingan masyarakat oleh UTY yang boleh diaplikasi dalam gerak kerja kemasyarakatan oleh In-Smartive.

"Usaha mentransformasi Dusun Ngepring sebagai Desa Binaan UMP-UTY adalah manifestasi komitmen berterusan kedua-dua universiti ini yang tidak akan terhenti di sini sahaja," tambah mahasiswa tahun empat Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) ini.

Bagi mahasiswa jurusan senibina UTY, Helmi Fuad Nur, 20 pula, peluang berinteraksi

dengan mahasiswa UMP dalam Projek Titik Sentuhan memberikan pendedahan berguna mengenai UMP dan Malaysia kepada beliau yang turut terpilih mengikuti program pertukaran pelajar UTY-UMP pada bulan September akan datang.

Pandangan Helmi turut dikongsi oleh mahasiswi Fakulti Perniagaan & Teknologi Informasi UTY, Dessy Wulandari, 20, yang mengakui bahawa pengalaman enam hari bersama rakan baharu dari UMP meninggalkan makna yang begitu mendalam kepada beliau.

"Memang kita dibatasi sempadan geografi dan politik, namun masyarakat Indonesia-Malaysia pada hakikatnya tetap serumpun dan silaturahmi erat tersebut dilahirkan melalui interaksi kami sepanjang Projek Titik Sentuhan," kata Dessy lagi.

Sekembalinya ke Yogyakarta, delegasi UMP telah dibawa ke Panti Asuhan Yatim Putri 'Aisyiyah dan kedua-dua pihak menyumbang sebanyak 100 kilogram beras dan wang tunai untuk dimanfaatkan bagi menampung kos operasi rumah perlindungan anak yatim persendirian tersebut.

Selain itu, perbincangan prakolaborasi turut diadakan antara Kelab In-Smartive dengan Sekolah Menengah Atas (SMA) Muhammadiyah 1 iaitu antara sepuluh sekolah menengah termoden dan terbaik di Indonesia yang diwakili Naib Pengetuanya, Sarno R Sudibyo.

Delegasi UMP juga berpeluang bertemu dengan Rektor UTY, Drs. Bambang Hartadi di pejabat beliau di Kampus UTY 1, Jombor.

Turut dibincangkan dalam kunjungan ialah prospek kolaborasi yang berterusan antara UMP dan UTY dalam aktiviti melibatkan masyarakat di Malaysia dan Indonesia. Lain-lain adalah melibatkan penyelidikan bersama mengenai dasar pelaksanaan Desa Binaan di Indonesia dan mekanisme penyusunan semula masyarakat melalui instrumen Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di Malaysia.

Hadir sama dalam perbincangan adalah Naib Rektor (Akademik), Dr. Tri Gunarsih dan Naib Rektor (Kewangan), Bahagia Tarigan serta pegawai-pegawai kanan UTY.



UMP anjur kejohanan sukan antara jabatan

Seramai kira-kira 400 atlet di kalangan warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir dalam Majlis Pra-pelancaran Kejohanan Sukan Staf antara Jabatan bagi tahun 2013 anjuran Pusat Sukan yang berlangsung pada 16 Mei 2013 yang lalu di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Majlis dirasmikan Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang hadir bersama Bendahari UMP, Zainudin Othman dan Pemangku Ketua Pusat Sukan, Mohd. Aznorizamin Ismail serta 16 kontinjen daripada pelbagai jabatan dan fakulti yang antaranya Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Jabatan Bendahari, Perpustakaan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Jabatan Pendaftar.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir penganjuran kejohanan ini sebenarnya mendukung perimeter mesej yang besar, lebih dari sebuah temasya tahunan semata-mata.

"Malah, ianya sebagai sebuah acara yang menghimpunkan warga kerja UMP di luar urusan pejabat yang rasmi.

"Kejohanan ini merupakan medan di mana kesatuan minda (wehdah al-fikr) dan kesatuan tindakan (wehdah al-amal) warga kerja universiti ini diterjemahkan dalam aktiviti sukan dan permainan.

"Maka, jelaslah kepada kita bahawa agenda penyatuan dan solidariti warga kerja UMP daripada pelbagai jawatan, pangkat dan skim perkhidmatan boleh direalisasikan melalui pelbagai medium secara informal melalui kejohanan seperti ini," katanya semasa menyampaikan ucapan perasmian.

Tambah beliau, penganjuran kejohanan sukan seumpama ini sepatutnya menyumbang kepada peningkatan kualiti sendiri warga kerja UMP sekiranya nilai-nilai disiplin dalam sesuatu acara sukan itu didakap dan seterusnya dihayati bagi manfaat produktiviti perkhidmatan.

Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan dalam kegiatan sukan dan rekreasi memberi manfaat besar kepada kesihatan dan kecergasan tubuh badan. Kesihatan dan kecergasan yang diperoleh ini akan membina kecerdasan minda, dan seterusnya meningkatkan aras prestasi di tempat kerja.

Dalam majlis ini, beliau turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan ping pong, hoki, sepak takraw, bola jaring, futsal, bola sepak dan relay lelaki dan wanita pada kejohanan yang lalu.

Di Kejohanan Inter-PJT 2012 menyaksikan

kejuaraan keseluruhan dirangkul pasukan Proaktif dari Bahagian Keselamatan (BKES), diikuti naib juara pasukan Kualiti dari FKKSA dan pasukan Teguh di tempat ketiga milik Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH). Manakala pasukan Kreatif dari JHEPA dinobatkan pasukan terbaik yang dinilai berdasarkan penyertaan tertinggi dengan tujuh penyertaan.

Dalam majlis yang sama, Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi permainan sepak takraw, bola jaring, bola sepak dan futsal di Kejohanan Sukan Staf antara Jabatan Kali ke-2 yang diadakan baru-baru ini.

Pasukan Keselamatan (A) menjuarai sukan sepak takraw dan futsal, pasukan Cemerlang yang terdiri daripada staf Unit Kesihatan Pelajar, Pusat Sukan dan Pusat Keusahawanan menang sukan bola jaring manakala sukan bola sepak dimenangi pasukan Jabatan Pendaftar.

"Kejohanan ini merupakan medan di mana kesatuan minda (wehdah al-fikr) dan kesatuan tindakan (wehdah al-amal) warga kerja universiti ini diterjemahkan dalam aktiviti sukan dan permainan.



Lantikan semula NC

Kementerian Pengajian Tinggi melantik semula Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk tempoh dua tahun lagi berkuatkuasa mulai tarikh 16 Mei 2013.

Beliau yang berasal dari Johor Bahru merupakan lulusan Ph.D dari Universiti of Dundee, United Kingdom dan pernah berkhidmat di Universiti Sains Malaysia (USM) serta pernah memegang jawatan sebagai Dekan Fakulti Pengurusan dan Pengarah Pusat Pengurusan Termaju USM.

Berpengalaman luas dalam bidang pengurusan, perakaunan, korporat governan dan metodologi penyelidikan beliau menerima banyak pengiktirafan antaranya penerima anugerah Academy for Global Business Advancement (AGBA) Life-time Achievent Award dalam Kongres Antarabangsa AGBA pada tahun 2010 dan penganugerahan AGBA Fellow dalam Kongres ke-9 AGBA yang diadakan di Ajman University of Science and Technology, UAE pada tahun lalu.

Dalam pentadbirannya, Profesor Dato' Dr. Daing, 58 sentiasa menggalakkan pentadbiran berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan

memberi penekanan terhadap penilaian prestasi. Malah, beliau turut memberi perhatian terhadap agenda memperkukuhkan asas demi menjana kecemerlangan universiti.

"Dengan berlandaskan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang dirangka, UMP akan terus cemerlang dan mencipta nama di peringkat antarabangsa, katanya.

Beliau turut dilantik sebagai Profesor Tamu di Hebei University China dan berpengalaman sebagai Profesor Tamu di College of Industrial Management, King Fahd University of Petroleum and Mineral sekitar tahun 2008 hingga 2010.

Beliau juga turut dilantik sebagai Pengerusi CAP PSPTN KPT, Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Universiti Teknologi Yogyakarta, Ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negeri Pahang Darul Makmur, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Majlis Peperiksaan Malaysia dan Ahli Majlis Perundangan Belia Negeri Pahang.

Pelantikan semula NC ini pastinya melonjakkan pencapaian UMP ke arah menjadi sebuah universiti teknologi yang cemerlang dan bertaraf dunia.

Pelantikan Baharu/Penyambungan Jawatan Giliran



Profesor Dr. Mashitah TNC (P&I) baharu UMP

Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusof dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang baharu bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 21 Julai 2013 yang lalu.

Profesor Dr. Mashitah, 51, berkelulusan Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kimia dari Wichita State University, Amerika Syarikat menggantikan Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunos yang memegang jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) sejak tahun 2008.

Beliau sebelum ini pernah berkhidmat di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan pernah dilantik sebagai Pengarah Pusat Penyelidikan di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) yang kini dinamakan UMP.

Beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Dekan Pusat Pengajian Siswazah universiti ini.

Beliau yang berperanan penting semasa penubuhan fakulti FSTI sekitar tahun 2008 serta kekal berkhidmat sebagai Dekan sejak penubuhannya lima tahun lalu. Pada masa yang sama beliau juga merupakan Pengarah Makmal Berpusat UMP.

Anak kelahiran Bukit Mertajam, Pulau Pinang ini amat meminati bidang penyelidikan seawal usia muda lagi. Bergelar ahli akademik, beliau banyak menjalankan penyelidikan dan membentangkan kertas kerja di dalam dan luar negara serta menghasilkan buku. Antaranya adalah "Rahsia dan Keunikan Gaharu", "Pahang Biodiversity and Biotechnology Strategic Action" dan "Future Directions of Biotechnology Education in Malaysia".

Berpengalaman luas dalam bidang akademik dan penyelidikan memberikan kelebihan kepada Profesor Dr. Mashitah menyandang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) di UMP ini.

Sidang Editorial *Create* merakamkan ucapan tahniah dan semoga UMP akan bertambah maju dan cemerlang di bawah kepimpinan beliau.



YH. Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli
15 Ogos 2013 hingga 14 Ogos 2015



Dr. Mahyuddin Ismail
Pengarah
Pusat Islam & Pembangunan Insan
5 Julai 2013 hingga 4 Julai 2015



Dr. Abdul Adam Abdullah
Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif
15 Julai 2013 hingga 14 Julai 2015



Dr. Hamzah Ahmad
Timbalan Dekan
(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
1 Mei 2013 hingga 30 April 2015



Mohd Shahrir Mohd Sani
Timbalan Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif
15 Jun 2013 hingga 14 Jun 2015



Dr. Ahmad Ziad Sulaiman
Timbalan Dekan
Institut Pengajian Siswazah
15 Julai 2013 hingga 14 Julai 2015



Mohd Nazri Samsudin
Timbalan Pengarah (Pentadbiran)
Pusat Islam & Pembangunan Insan
1 Ogos 2013 hingga 31 Julai 2015

UMP praktik ilmu di luar kelas

– Mohd Hazaruddin

Bergiat aktif dalam persatuan sepanjang bergelar mahasiswa adalah sesuatu yang tidak merugikan apatah lagi ia memberikan input yang positif kepada graduan itu sendiri apabila memasuki dunia pekerjaan.

Mohd Hazaruddin Muhammad merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal yang telah berjaya menempatkan diri di Asset Dynamics Asia, menyandang jawatan sebagai Reliability Consultant yang mana merupakan satu tugas yang amat berat harus dipikul olehnya.

Tambah beliau, posisi yang disandang sekarang adalah amat mencabar kerana tidak ramai yang mampu melakukan tugas berikut dan posisinya sangat terhad bukan sahaja di Malaysia, malahan di Singapura.

Alumni UMP yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan ini percaya hasil penglibatan aktif beliau di dalam persatuan sepanjang berada di UMP telah membuka keyakinan diri untuk melangkah ke dalam bidang pekerjaan walaupun beliau baharu sahaja menamatkan pengajian pada tahun 2008.

Sebaik sahaja memperoleh segulung ijazah, beliau terus menjawat jawatan yang tinggi di bahagian Asset Dynamics Asia yang mula menawarkan jawatan sebagai Jurutera Marin di salah sebuah syarikat gergasi iaitu MISC Berhad.

Katanya, tugas mencabar yang dipikulnya menjadikan beliau seorang yang lebih berani dan yakin dengan segala keputusan yang dibuat.

“Antara tugas saya adalah memastikan jadual penyelenggaraan kapal dibuat mengikut masa yang ditetapkan di samping menguruskan inventori, urusan penggunaan minyak dan prestasi enjin kapal.

“Saya juga menjadi pembantu kapten kapal jika berhadapan dengan situasi kritikal. Malah, bekerja di dalam bidang ini telah membawa saya menjelajah ke banyak negara seperti Korea, Taiwan, China,

Indonesia, Egypt, India, Pakistan, UK, Belgium, Oman, Perancis dan lain-lain,” ujar beliau.

Seterusnya, pada tahun 2013, beliau mula menyandang tugas yang lebih mencabar sebagai Jurutera Projek di syarikat Boilermech Holding Berhad yang ditugaskan untuk mengendalikan projek di Indonesia.

Menerusi kerjaya ini beliau mendapat peluang yang baik untuk mendalami ilmu pengurusan dan dapat memperbaiki *skills* teknikal beliau dan dalam masa yang sama sentiasa berulang-alik melawat projek di Indonesia.

Pernah dianugerahkan dengan Institution of Engineering Malaysia (IEM): *The Most Outstanding Student Volunteer 2006*, sekali lagi membuktikan alumni UMP ini sememangnya sangat aktif di dalam persatuan UMP dan menyifatkan ia merupakan satu langkah yang bijak sewaktu berada di kampus.

Jelas beliau, selain dari tuntutan hakiki sebagai seorang mahasiswa, ilmu kepimpinan dan pengurusan secara tidak langsung dapat saya peroleh sewaktu melibatkan diri dalam persatuan antaranya ialah Pengerusi Mechanical Engineering Professional Student Society (MECHAPRO), Pengerusi UMP IEM Student Section Malaysia Representative For Young Asean Federation Of Engineering Organization (Yafeo), Kuala Lumpur, Malaysia University Representative For Taiwan Academic Leadership & Entrepreneurship Visit, Taipei, Taiwan dan sebagainya.

“Selain daripada suasana dan kaedah



pembelajaran di UMP yang serba lengkap, adalah tidak rugi para pelajar meluangkan masa dan memanfaatkan persatuan dan sukan yang tersedia ada di UMP supaya nilai tambah seperti *soft skills* dan kepimpinan dapat diperelajari seterusnya dapat dipraktikkan dalam dunia pekerjaan kelak,” katanya.

Selain daripada suasana dan kaedah pembelajaran di UMP yang serba lengkap, adalah tidak rugi para pelajar meluangkan masa dan memanfaatkan persatuan dan sukan yang tersedia ada di UMP supaya nilai tambah seperti soft skills dan kepimpinan dapat diperelajari seterusnya dapat dipraktikkan dalam dunia pekerjaan kelak.



Pupuk minat pelajar sekolah dalam memanfaatkan pusat sumber dan perpustakaan

Berita dan Foto Oleh: NOR ASHIKIN AHMAD

Seramai 80 orang pelajar dan tiga orang guru dari Sekolah Menengah Gambang menyertai program 'Selangkah ke Pusat Sumber Menuju Perpustakaan' anjuran Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di UMP Gambang pada 11 Jun 2013 yang lalu.

Program dirasmikan Timbalan Ketua Pustakawan, Dzul Zabarrud Ahmad, merangkap Pengerusi Program Khidmat Komuniti ini.

Menurut Dzul Zabarrud, pusat sumber sekolah dan perpustakaan memainkan peranan yang penting dan perlu dimanfaatkan oleh pelajar dan harus tahu memanfaatkan gedung ilmu ini dengan sebaik mungkin.

"Pusat sumber sekolah dan perpustakaan tidak mempunyai banyak perbezaan yang ketara kerana fungsi utamanya adalah menyalur dan menyebarkan maklumat kepada pengguna.

"Program ini diharap dapat membantu para pelajar mengenal dan menggunakan

perpustakaan semaksimal mungkin memberi suntikan semangat untuk melanjutkan pengajian ke universiti pada masa akan datang," katanya ketika menyambut ketibaan pelajar.

Tambah beliau, program ini mula dilaksanakan sejak April lalu melibatkan beberapa buah sekolah.

Antaranya, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Panching, Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Isap Murni, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Damai dan Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar Hilir.

Dalam masa yang sama, Pustakawan UMP, Nor Ashikin Ahmad turut menyampaikan pencerahan mengenai 'Kepentingan Pusat Sumber Sekolah dan Perpustakaan' dan menerangkan tentang cabang ilmu dan teknik pencarian maklumat di dalam perpustakaan.

Lebih menarik, para pelajar berpeluang melawat sekitar perpustakaan dan menggunakan kemudahan yang disediakan dengan dibantu staf di perpustakaan yang bertindak sebagai fasilitator.



Jom Jadi Ahli Publik Perpustakaan UMP

Oleh : NAZATUL SHIMA BAROJI

Keahlian publik Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) diperkenalkan bagi membuka peluang dan ruang kepada seluruh warga Pahang terutama kakitangan awam, swasta, ahli korporat dan pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sekitar negeri Pahang. Dengan menjadi ahli publik mereka boleh menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Perpustakaan Kampus Pekan atau Kampus Gambang.

Keahlian ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat setempat selain daripada perkongsian maklumat antara warga UMP dengan masyarakat luar. Kategori keahlian publik yang ditawarkan oleh Perpustakaan UMP adalah terdiri daripada:

- Alumni;
- Ahli keluarga staf UMP (suami/isteri dan anak umur 16 – 21 tahun);
- Pesara UMP;
- Kakitangan awam dan swasta daripada organisasi atau agensi luar;
- Pelajar IPTA lain dan IPTS;
- Pelajar kursus jangka pendek anjuran CENFED; dan
- Pembantu penyelidik

Kemudahan yang disediakan:

- Peminjaman dan rujukan bahan;
- Pangkalan data atas talian di dalam kampus sahaja; dan
- Semua kemudahan seperti karek, makmal komputer, bilik tayangan dan sebagainya.

Bagaimana untuk membuat permohonan?

- Lengkapkan borang pendaftaran secara *online* di dalam laman web Perpustakaan UMP di <http://www.umplibrary.ump.edu.my> atau melalui facebook <http://www.facebook.com/uni.lib> atau borang pendaftaran keahlian secara manual yang boleh diperoleh di Kaunter Perkhidmatan.
- Sertakan dua keping gambar berukuran pasport.
- Sertakan wang untuk yuran tahunan dan pendaftaran.
- Sertakan salinan kad pengenalan.

(Permohonan yang lengkap akan diproses dalam tempoh lima hari bekerja)


Maklumat lanjut boleh hubungi Puan Nazatul Shima di talian 09-549 3135 (e-Mel shima@ump.edu.my) atau Cik Hajjah Kamariah di talian 09-424 5603 (e-Mel kamariah@ump.edu.my).

KATEGORI	BAYARAN DAN PENDAHULUAN MENGIKUT KATEGORI KEAHLIAN LUAR (RM)				
	PENDAFTARAN (RM)	YURAN TAHUNAN (RM)	AHLI MERUJUK (RM)	AHLI MEMINJAM (RM)	PEMBAHARUAN KEAHLIAN (RM)
ALUMNI	10	-	-	100	5
KELUARGA STAF	10	-	-	100	5
PESARA UMP	10	-	-	100	5
KAKITANGAN AWAM-INDIVIDU	10	100	-	200	25
KAKITANGAN AWAM-KUMPULAN (1-3pax)	50	100	-	600	50
BADAN KORPORAT-INDIVIDU	20	100	50	500	50
BADAN KORPORAT-KUMPULAN (1-3pax)	100	100	50	1000	50
PELAJAR - IPTA	10	50	-	100	25
PELAJAR - IPTS	10	100	-	200	50
PENGGUNA HARIAN	10	-	-	-	-
PELAJAR KURSUS JANGKA PENDEK	-	-	-	300	-
PEMBANTU PENYELIDIK	10	-	-	300	5




“Perpustakaan UMP dapat menyediakan buku yang berkaitan dengan kursus yang diambil dan dapat memberi sepenuh tumpuan di dalam menyiapkan tugas sepanjang berada di perpustakaan.”

FEYRUZ MOHD AYOB
ID : LIB019
PELAJAR TAHUN 2
KOLEJ SWASTA




Judul Buku : *Arabic for Beginners*
 Penulis : Mardhiyyah Zamani, Rosjuliana Hidayu Rosli & Mohamad Baihaqi Hasni
 ISBN : 978-967-0120-53-9
 Muka Surat : 93
 Tahun Terbit : 2013
 Harga Buku : RM 45.00

Arabic for Beginners diterbitkan sebagai rujukan utama kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) khususnya kepada pelajar-pelajar yang mengambil subjek Arab. Naskhah ini amat membantu bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab.



Judul Buku : *Business and Entrepreneurship*
 Penulis : Noor Azlina Azizan & Hajjah Mazita Haji Mokhtar
 ISBN : 978-967-0120-66-9
 Muka Surat : 109
 Tahun Terbit : 2013
 Harga : RM 40.00

This book basically explains on main components of business plan and entrepreneurships. This book is a practical, useful and exhaustive for business. Well structured business plan can accomplished best result of business implementation.



Judul Buku	:	Islam di Pahang
Penulis	:	Abd Jalil Borham
ISBN	:	978-976-0120-61-4
Muka Surat	:	211
Tahun Terbit	:	2013
Harga	:	RM 57.00

Pada keseluruhannya buku ini memberi gambaran sebenar tentang tamadun Islam di Pahang, dari perspektif tamadun Melayu Islam yang menjelaskan pelaksanaan dan perkembangannya sejak ia bermula hinggalah ke hari ini. Secara umumnya, buku ini amat sesuai dibaca oleh pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi dan setiap lapisan masyarakat terpelajar.



Judul Buku	:	Koleksi Contoh Soalan Hubungan Etnik
Penulis	:	Hasnah Hussiin
ISBN	:	978-967-0120-68-3
Muka Surat	:	119
Tahun Terbit	:	2013
Harga	:	RM 40.00

Buku Koleksi Contoh-contoh Soalan Hubungan Etnik ini disediakan khas sebagai rujukan untuk pelajar yang mengambil subjek Hubungan Etnik bagi mendalami dan memahami bentuk-bentuk soalan mengenai subjek berkenaan. Contoh soalan yang terdapat dalam buku ini diharapkan dapat memberikan panduan untuk pelajar menjawab soalan-soalan yang berkaitan. Buku ini turut menyediakan jawapan yang lengkap bagi membolehkan pelajar membuat latihan.

Amalan penyelenggaraan dan keselamatan di kediaman anda

Oleh: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

Ramai yang suka memiliki rumah yang bersih dan sempurna. Tetapi sejauh manakah anda terfikir untuk melakukan sesuatu agar kediaman anda kelihatan baik dan teratur. Dengan melakukan penyelenggaraan rutin ia akan memberikan kelebihan pada kediaman anda. Pada umumnya, aktiviti penyelenggaraan dilakukan pada bangunan yang besar dan kerap digunakan. Penyelenggaraan kediaman bukan saja dengan melakukan kerja-kerja pembersihan dalaman tetapi perlu dilihat secara menyeluruh. Bahagian dalaman kediaman sering kita lakukan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan, tetapi bahagian luaran juga perlu di lakukan bersama. Penyelenggaraan di kediaman anda tidaklah serumit penyelenggaraan bangunan yang besar tetapi boleh dilakukan dengan mengadakan penjadual aktiviti ringkas.

Aktiviti penyelenggaraan kediaman manfaatkan penghuni

Matlamat utama penyelenggaraan kediaman adalah bertujuan untuk memastikan kediaman yang didiami dapat memenuhi segala fungsinya, selesa dan selamat kepada penghuni. Aktiviti seumpama ini boleh mengurangkan kos penyelenggaraan kediaman. Nilai kediaman akan menjadi lebih tinggi jika bangunan dalam keadaan baik dan teratur.

Aspek kesihatan menjadikan aktiviti penyelenggaraan membantu meningkatkan kesihatan penghuni kediaman. Ianya boleh dijadikan sebagai satu rutin ataupun satu senaman. Selain menjadikan penghuni kediaman sentiasa sihat, ianya mengurangkan risiko bangunan sakit dan menyumbang

kepada persekitaran kawasan bersih dan sihat.

Mengurangkan risiko penyakit kepada penghuni

Kediaman boleh terdedah kepada gejala penyakit berjangkit seperti demam denggi disebabkan oleh pembiakan nyamuk aedes. Penyakit di bahagian pernafasan serta penyakit kulit boleh berlaku disebabkan kediaman kotor dan tidak di selenggarakan dengan baik. Penyelenggaraan fizikal melibatkan bahagian luar dan dalam kediaman boleh menjadikan panduan menyelenggarakan kediaman.

Penyelenggaraan fizikal - Pemeriksaan bahagian dalam kediaman

Buat pemeriksaan pada tangki air kediaman jika terdapat kebocoran lakukan penyelenggaraan segera. Bersihkan tangki agar air penyimpanan sentiasa bersih dan tiada berbau. Cuci kolah takungan air di bilik mandi. Pastikan ianya tiada berlumut dan berbau. Cuci lantai dalaman kediaman terutama di dalam bilik mandi, tandas dan dapur memasak. ini kerana di bilik air sentiasa berlumut dan licin permukaan.

Peralatan kebersihan seperti mangkuk tandas dan sinki perlu di periksa. Masalah tersumbat boleh mengakibatkan kediaman anda berbau busuk dan mengakibatkan penyelenggaraan rumit terutama pada bahagian lantai.

Memeriksa keadaan peralatan elektrik di rumah seperti kipas siling, kipas dinding dan lampu. Banyak tragedi yang melibatkan kecederaan seperti kipas siling tercabut dan siling runtuh menimpa penghuni kediaman.

Pendawaian elektrik perlu diperiksa dengan bantuan kepakaran agensi pendawaian elektrik bagi mengurangkan risiko renjatan elektrik, masalah litar pintas dan lebih buruk lagi tragedi kebakaran kediaman. Peralatan elektrik seperti penghawa dingin dan kipas perlu dibersihkan bagi mengelak masalah kepada penghuni terutama penghidap penyakit pernafasan.

Tingkap kediaman perlu bebas dari sebarang halangan. Bahagian dalaman perlu diselenggarakan dengan melihat aliran keluar masuk angin. Ini bagi mengelakkan habuk dan kelembapan. Pencahayaan semulajadi boleh membantu keadaan kediaman kering dan kurang kelembapan. Risiko penyakit di bahagian pernafasan boleh berlaku jika dalaman sentiasa berdebu dan lembab.

Perabot dalaman perlu di bersihkan bagi mengurangkan habuk dan debu di permukaannya. Penyelenggaraan kediaman boleh menjadikan perabot dalaman sentiasa tahan lama dan tidak berkulat. Susun atur perabot dalaman agar tidak mengganggu pergerakan penghuni. Ini boleh mengurangkan risiko kecederaan dan boleh mengakibatkan perabot menimpa penghuni.

Bersihkan dinding dalaman bangunan dan bebas dari habuk dan debu bagi mengelakkan masalah pernafasan dan risiko penyakit kulit.

Penyelenggaraan fizikal - pemeriksaan bahagian luar kediaman

Pastikan kebersihan di saluran air kotoran di sekeliling kediaman anda dan tiada tersumbat dan menyebabkan takungan. Pastikan tiada bahan tidak terpakai berselerak di kawasan kediaman anda. Ini boleh mengakibatkan masalah kepada tempat pembiakan haiwan pembawa penyakit seperti tikus dan lipas. Tong sampah perlu dibersihkan setiap kali digunakan. Ini mengurangkan pencemaran bau busuk dan masalah kepada kesihatan penghuni.

Cuci longkang bangunan kediaman. Pastikan aliran air tidak tersumbat dan mengakibatkan pembiakan nyamuk. Seringkali kediaman yang kotor menyumbang kepada gejala penyakit terutama masalah penyakit kulit dan penyakit bahagian pernafasan. Melihat keadaan salur turun air hujan agar tidak tersumbat dan mengakibatkan masalah kebocoran pada siling kediaman. Tinjauan di bahagian atap kediaman tiada kebocoran dan kayu penyokong bumbung agar tahan dan kukuh.

Tinjauan juga di kawasan luar terutama bahagian belakang kediaman. Seringkali bahagian ini diabaikan. Bersihkan daripada bahan-bahan terpakai dan bahan mudah terbakar dan bahan risiko kepada toksik.

Memeriksa keadaan dinding dan asas bangunan. Struktur dinding dan tiang perlu dilihat samada ada berlaku keretakan dan mendapan pada asas bangunan. Ini lebih buruk jika tidak diendahkan boleh mengakibatkan kediaman runtuh.



Sambil melakukan aktiviti riadah buat tinjauan kawasan luaran jika kediaman anda dekat dengan kawasan berbukit atau berada di lereng bukit. Memastikan tidak ada sebarang aliran air bawah tanah atau dari lereng bukit yang boleh menyebabkan tanah runtuh dan mendapan tanah. Laporkan kepada pihak berkuasa tempatan jika terdapat permasalahan sedemikian untuk tindakan lanjut.

Di bahagian laluan masuk ke kediaman tinjauan di tempat letak kenderaan berbumbung. Jika tempat letak kediaman anda berbumbung pastikan ianya kukuh dan baik binaannya.

Menjamin keselamatan penghuni

Pastikan penghuni dalam keadaan yang selamat. Bahagian dalaman kediaman perlu selamat dari sebarang kemungkinan menyebabkan kecederaan. Periksa bahagian dalaman seperti permukaan dinding dan bucu dinding. Ini boleh menyebabkan kemalangan jika terantuk atau tersepak pada bahagian yang tajam.

Tangga dalaman dan luaran kediaman perlu diselenggarakan. Memastikan ianya kukuh untuk dinaiki dan dituruni. Tangga perlulah mempunyai kecerunan yang baik dan mempunyai susur pemegang yang kukuh. Pemijak tangga perlulah tidak licin. Kecenderungan lampu di laluan tangga penting untuk tujuan keselamatan.

Permukaan lantai dalaman terutama di dalam bilik air dan dapur perlu kering dan bebas dari bahan berminyak. Risiko tergelincir dan terjatuh boleh mengakibatkan kecederaan pada anggota badan.

Jeriji pintu dan tingkap perlu di bersihkan dan kukuh binaannya. Ini mengurangkan risiko pecah rumah. Selain itu jeriji kediaman

senang dibuka dari dalam bagi menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran.

Pintu rumah perlu diperiksa jika ada kerosakan pada bahagian ensel dan tombol. Ini untuk mengelakkan kesukaran membuka pintu. Tingkap perlu bersihkan untuk mengelakkan masalah pengaliran udara keluar masuk ke dalam bangunan dan kesukaran membuka dan menutup. Bidai dan langsir perlu dibersihkan sentiasa bagi mengelakkan masalah pernafasan.

Mengadakan tabung pemadam api dan selimut pemadam api di dalam rumah terutama di bahagian dapur yang terdedah kepada risiko kebakaran. Kotak kecemasan perlu diadakan di setiap kediaman dan mudah digunakan jika berlaku kecederaan kecil.

Buat perancangan penyelenggaraan kediaman

Aspek penyelenggaraan boleh dilakukan dengan melakukan sendiri ataupun bantuan kepakaran dari luar. Jika berkemampuan, kepakaran dan kemahiran daripada agensi penyelenggaraan boleh memudahkan penyelenggaraan kediaman dilakukan terutama pada bahagian yang sukar dicapai.

Kepada yang baharu hendak memiliki kediaman sendiri buat tinjauan dan perancangan teliti pada bahagian reka bentuk kediaman agar memiliki kediaman yang mudah diselenggarakan. Ini boleh mengurangkan kos penyelenggaraan kediaman. Buat bajet penyelenggaraan dan padankan pada aktiviti pada awal tahun untuk mengelakkan kos penyelenggaraan tidak membebankan kos-keperluan lain.

Bagi bangunan kediaman yang telah berusia sepuluh tahun keatas lakukan penyelenggaraan untuk mengurangkan kos penyelenggaraan terutama pada bahagian pendawaian elektrik, salur turun air hujan,

sistem perpaipan air bersih dan tangki air.

Ambil insurans penyelenggaraan dan insurans kebakaran kediaman sebagai persediaan dan melindungi kediaman. Semak dokumen perjanjian jual beli dan insurans anda berkenaan jaminan baik pulih terhadap kerosakan kediaman yang dimiliki.

Pendidikan awal bermula di rumah

Pemilik kediaman perlu mengingatkan setiap ahli kediaman supaya menghargai kediaman supaya bersih dan teratur. Didikan bermula dari awal sejak kecil boleh diterapkan agar menjadikan amalan kebersihan dijadikan sebagai satu yang sihat. Penerapan awal boleh menjadikan kebersihan sebagai satu amalan seharian.

Penerapan nilai murni menghargai kesihatan penghuni

Sebagai menyahut kempen kediaman sihat, penghuni perlulah melakukan aktiviti ini sekerap mungkin. Jadikan penyelenggaraan kediaman sebagai satu aktiviti rutin setiap minggu dan bulanan. Kesihatan penghuni akan bertambah baik jika penyelenggaraan kediaman dilakukan secara serius. Pengabaian penyelenggaraan kediaman menjadikan kerumitan menjalankan aktiviti seharian.

Aktiviti seumpama ini boleh dijadikan satu amalan positif di kawasan kediaman anda. Kempen kebersihan kediaman ianya menyumbang kepada aktiviti penyatuan dengan mengeratkan pertalian ahli keluarga. Jadikan rumah bersih sebagai rumahku syurgaku. Kediaman sihat menyumbang kepada kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga.

Penulis ialah seorang pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam @ Sumber Alam, UMP



Subjek Hubungan Etnik Eratkan Perpaduan Kaum

Oleh: DR HASNAH HUSSIIN

Peranan pihak Kementerian Pengajian Tinggi menjadikan Kursus Hubungan Etnik sebagai kursus wajib di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) merupakan satu langkah yang bijak dan patut dipuji. Ia dilihat sangat penting bagi memupuk kesedaran etnik dalam masyarakat pelbagai kaum kepada generasi muda di negara ini. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan aspek teori malahan praktikal untuk diamalkan dalam kehidupan harian. Selain itu, kursus ini dapat memenuhi keperluan masyarakat dan aspirasi kerajaan bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu. Bagi merealisasikan cita-cita tersebut peranan IPT amatlah penting sebagai batu asas untuk memperkasakan hubungan etnik di negara ini pada masa akan datang.

Misalnya di Universiti Malaysia Pahang (UMP), pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PnP) bagi subjek ini dijalankan secara menyeluruh dan bersepadu melalui pelbagai aktiviti. Langkah pertama adalah dengan cara memperkenalkan pelajar mengenai konsep-konsep dan teori-teori berkaitan hubungan etnik di dalam kelas. Pendedahan pelajar terhadap konsep-konsep ini telah membantu pelajar-pelajar untuk

memahami nilai-nilai kemanusiaan yang wujud dalam hubungan antara manusia yang berbilang kaum, budaya dan agama.

Pembelajaran mengenai teori-teori dan konsep hubungan etnik tidak berhenti di dalam kelas sahaja, malah para pelajar dikehendaki menyelidik dan membuat tugas mengenai kewujudan konsep-konsep tersebut dalam masyarakat seharian rakyat Malaysia. Aktiviti ini dilakukan bagi mendidik pelajar-pelajar di sini bahawa apa yang mereka pelajari walaupun setakat teori ianya amat berguna dalam memahami situasi sebenar yang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Pelaksanaan PnP bagi subjek ini tidak sahaja berdasarkan kepada teori di dalam kelas, malahan para pelajar juga didedahkan dengan tugas berkumpulan. Dalam aspek ini para penyarah akan membahagikan pelajar kepada kumpulan-kumpulan tertentu. Kumpulan-kumpulan yang dibentuk ini pula haruslah terdiri dari tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India. Setiap kumpulan akan diberikan tajuk tugas masing-masing. Semasa menjalankan tugas berkumpulan inilah para pelajar dididik untuk bekerja dalam kumpulan yang terdiri dari pelbagai kaum.

Peranan IPT amatlah penting sebagai batu asas untuk memperkasakan hubungan etnik di negara ini pada masa akan datang.

Dalam hal ini, mereka bukan sahaja akan bergerak membuat tugas itu bersama-sama, malahan mereka akan bersama-sama berbincang mengeluarkan buah fikiran, bertukar pandangan dan pendapat, serta memberi dan menerima idea dari rakan yang berlainan bangsa. Kerjasama ini tidak terhenti setakat itu malahan setiap kumpulan dilatih untuk membuat video ringkas mengenai tajuk yang diberikan. Dalam video ringkas ini setiap kumpulan hendaklah memaparkan elemen-elemen perpaduan dan teori serta konsep hubungan etnik yang telah mereka pelajari. Sekali lagi para pelajar didedahkan secara amali bagi mereka merasai suasana sebenar dalam hubungan antara etnik.

Para pelajar bukan sahaja perlu menguasai teori hubungan etnik malahan mereka juga didedahkan dengan latihan amali bagi memastikan objektif perpaduan kaum dan dasar kerajaan tercapai. Setelah itu, video ringkas itu pula perlu dipersembahkan di dalam kelas untuk dikongsi bersama dengan pelajar etnik yang lain. Aktiviti ini sangat menarik perhatian pelajar kerana pelajar lain dapat melihat hubungan etnik dari pelbagai perspektif yang berbeza dan ini secara tidak langsung akan memupuk kesedaran hidup di negara yang bermasyarakat majmuk seperti di Malaysia. Di UMP, pelaksanaan PnP sebegini akan memberikan ruang kepada para pelajar mendalami dan merasai sendiri realiti hubungan etnik di negara ini.

Aktiviti seterusnya adalah para pelajar akan didedahkan dengan tayangan video yang bertemakan hubungan etnik. Melalui aktiviti ini para pelajar dikehendaki menghayati tema, persoalan dan teori-teori yang terdapat dalam hubungan etnik. Bukan sahaja perlu menonton dan menghayati video tersebut malahan para pelajar juga perlu merekod apa yang mereka dapati daripada video tersebut dan markah akan diberikan berdasarkan garapan idea yang bernas dan menarik.

Selain daripada membincangkan mengenai hubungan etnik di dalam negara Malaysia, para pelajar juga telah didedahkan dengan suasana hubungan etnik di luar negara. Dalam hal ini, para pelajar akan berpeluang untuk melihat corak dan perjalanan hubungan etnik di negara lain. Pendedahan sebegini akan membolehkan para pelajar mengetahui pergolakan dan isu-isu berkaitan hubungan etnik di luar negara. Aspek penting yang dapat dipelajari daripada hubungan etnik di luar negara adalah para pelajar akan dapat menilai dan menghargai keharmonian kaum di negara sendiri. Inilah masanya universiti berpeluang mendidik para pelajar untuk menghargai keamanan dan keharmonian kaum yang dikecapi oleh negara sejak sekian lama.

Selain apa yang dinyatakan di atas, melalui subjek Hubungan Etnik para pelajar juga didedahkan dengan perbincangan mengenai kehidupan seharian masyarakat di Malaysia. Dalam hal ini, para pelajar berpeluang mengetahui dan berbincang mengenai bagaimana kehidupan seharian



boleh memupuk perpaduan kaum termasuklah kehidupan seharian mereka di kampus. Antara yang boleh dijadikan contoh bagi pemupukan perpaduan kaum melalui kegiatan seharian pelajar di kampus ialah dari segi pergaulan, pembelajaran, perbincangan, kawan sebilik, pemakanan dan sebagainya.

Pengenalan subjek Hubungan Etnik di UMP ini dilihat sebagai penyeri kepada pelajar yang berlatarbelakangkan bidang kejuruteraan. Pelaksanaan subjek ini walaupun dilihat sebagai subjek sokongan, namun impaknya amatlah besar terutamanya dari segi memberi pendedahan kepada para pelajar untuk bekerja dalam masyarakat pelbagai kaum. Ini selaras dengan objektif KPT iaitu bukan sahaja untuk memastikan siswazah dapat menyesuaikan diri dalam sektor pekerjaan bahkan dalam menghadapi kehidupan seharian melalui penerapan nilai-nilai murni.

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa Moden @ Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP.

Melalui subjek Hubungan Etnik para pelajar juga didedahkan dengan perbincangan mengenai kehidupan seharian masyarakat di Malaysia. Dalam hal ini, para pelajar berpeluang mengetahui dan berbincang mengenai bagaimana kehidupan seharian boleh memupuk perpaduan kaum termasuklah kehidupan seharian mereka di kampus.



Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:

UNIT PENERBITAN & GRAFIK

Pejabat Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

Lebuhraya Tun Razak

26300 Gambang

Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 2020

Faks : 09-549 3199

e-Mel : pro@ump.edu.my

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>